

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid IV Bil. 1 Hari Selasa 12 Mei 1998

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Dato' Ting Check Sii (Ruangan)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- **Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan** (Ruangan)
- **Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru** (Ruangan)
- **Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong** (Ruangan)
- **Memperkenankan Akta-akta** (Ruangan)
- **Perutusan Daripada Dewan Rakyat** (Ruangan)
- **Cuti Kepada Ahli - Kebenaran** (Ruangan)

URUSAN MESYUARAT (Ruangan)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
(Ruangan)

USUL-USUL:

- **Jalan-jalan Masuk Ke Parlimen** (Ruangan)
- **Jawatankuasa Pemilih - Perlantikan Ahli-Ahli** (Ruangan)
- **Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**
- *Y.B. Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin* (Ruangan)

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Pertama
Penggal Keempat
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.

(Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joon, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)

“ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

“ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

“ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

“ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Tuan Jinuin bin Jimin (Sabah)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

“ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

“ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)

“ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara/

Timbalan Setiausaha Bagi Parlimen: Abdullah bin Abdul Wahab

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat

Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.
Hajah Supiah binti Dewak
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Selasa, 12 Mei 1998****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

Y.B. Dato' Ting Check Sii.

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat Sumpah di kamar Yang di-Pertua Dewan Negara mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan pada tarikh-tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 5 Februari 1998:

1. Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Mohd. Zain (Dilantik Semula);
dan
2. Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany
(Dilantik).

Pada 9 Mac 1998:

1. Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik Semula);
2. Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu (Dilantik Semula);

3. Yang Berhormat Datuk Zainuddin bin Maidin (Dilantik); dan
4. Yang Berhormat Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik).

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi dan pada tarikh-tarikh yang dinyatakan tersebut. Saya berharap ahli-ahli yang baru dilantik, dan dilantik semula itu dapat memberi sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 23 Mac 1998, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1998;
2. Akta Perbekalan Tambahan (1997) (No.2) 1997;
3. Akta Pengurusan Wang 1998;
4. Akta Kewangan 1998;
5. Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1998;
6. Akta Kaunselor 1998;

7. Akta Pembekalan Air (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1998;
8. Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1998;
9. Akta Bernama (Pindaan) 1998;
10. Akta Bil Pertukaran (Pindaan) 1998;
11. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1998;
12. Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1998;
13. Akta Tatacara Jenayah (Pindaan) 1998;
14. Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1998;
15. Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1998;
16. Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 1998;
17. Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1998; dan
18. Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 1998.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“7 Mei 1998

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998;
2. Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997;
3. Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) 1997;
4. Rang Undang-undang Fee (Planetarium Negara) (Pengesahan) 1997;
5. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) (No.2) 1997;
6. Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Qur'an (Pindaan) 1998;

7. Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 1998;
8. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan Guru-Guru (Sabah) (Pembubaran) 1998;
9. Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998;
10. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 1998; dan
11. Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

CUTI KEPADA AHLI – KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat kepada Ahli Yang Berhormat Tuan Tee Thiong Hock dari 12 Mei hingga 14 Mei 1998 dan dari 1 Jun hingga 4 Jun 1998.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

1. Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada kerajaan bercadang mengkaji semula beberapa dasar kerajaan serta keberkesanan pelaksanaannya dalam sektor ekonomi, pertanian, pendidikan dan sosial ekoran daripada kegawatan ekonomi; dan
- (b) jumlah kerugian sebenar akibat daripada kegawatan ekonomi dan mengenal pasti pihak-pihak yang terlibat dalam kegiatan spekulasi dan manipulasi.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifuddin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi amalan kerajaan untuk sentiasa mengkaji dasar kerajaan termasuk dalam bidang ekonomi, bidang pertanian, bidang pendidikan dan bidang sosial dari masa ke semasa untuk memastikan bahawa dasar-dasar ini sentiasa berkesan dan relevan dengan perkembangan dunia.

Sebagaimana yang terbukti semasa negara mula dilanda krisis kewangan, kerajaan sentiasa peka terhadap sebarang perkembangan yang boleh mempengaruhi pengurusan ekonomi makro dan mikro negara, khususnya yang melibatkan golongan yang berpendapatan rendah. Di mana yang sesuai, kerajaan telah dan akan membuat perubahan terhadap dasar-dasar yang sedia ada di samping memperkenalkan langkah-langkah baru bagi menjamin kesejahteraan golongan tersebut.

Di antara langkah-langkah yang diumumkan oleh kerajaan pada 24 Mac 1998, kerajaan telah meningkatkan peruntukan kepada program yang ditujukan kepada golongan yang berpendapatan rendah sebanyak RM1 bilion tambahan kepada RM2.7 bilion yang telah diperuntukkan. Peruntukan tambahan ini adalah untuk peruntukan tambahan untuk Tabung Makanan (RM300 juta kepada RM1 bilion), Program Kredit Mikro - (RM200 juta untuk penjaja, peniaga dan usahawan kecil), menambah kemudahan pendidikan dan pembangunan sumber manusia (RM200 juta), Amanah Ikhtiar Malaysia (RM100 juta), kemudahan

kesihatan (RM100 juta) dan kemudahan prasarana desa seperti bekalan air dan elektrik (RM100 juta).

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan tidak ada maklumat terperinci tentang kerugian sebenar akibat daripada krisis kewangan serantau ini. Memandangkan spekulasi dijalankan melalui akaun nominee, adalah sukar untuk mengenal pasti pihak-pihak yang terlibat dalam spekulasi dan manipulasi.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tujukan soalan saya kepada perkara yang terlibat dengan sebutan mengenalpasti pihak-pihak yang terlibat dalam kegiatan spekulasi dan manipulasi.

Saya difahamkan, satu kenyataan telah dibuat oleh pihak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga seorang dari Menteri dalam Kabinet, iaitu berkaitan dengan pemindahan atau 'dibawa lari duit' sebanyak RM20 bilion ke negara luar.

Saya menujukan soalan ini, apakah perkara ini berlaku? Saya mahu kepastian daripada kerajaan adakah perkara ini berlaku - yang mana Timbalan Perdana Menteri mengatakan ianya tidak berlaku. Tetapi seorang daripada anggota Kabinet menyatakan perkara ini berlaku. Walaupun ada penafian yang telah dibuat, tetapi satu ungkapan mengatakan "kalau tidak ada angin, tak mungkin daun akan bergoyang". Jadi saya ingin memastikan daripada pihak kerajaan 'statement' atau kenyataan yang mana satukah yang benar berlaku semasa kegawatan ekonomi yang ada sekarang dan kalau ada, apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil kepada pihak-pihak yang telah disebut oleh seorang Menteri dalam Kabinet yang menyatakan ada usahawan-usahawan yang telah melarikan duit ringgit Malaysia ke negara lain untuk dimaklumkan oleh pihak yang berkenaan selaku satu sabotaj kepada negara.

Apakah perhatian kerajaan terhadap perkara itu dan apakah tindakan-tindakan yang mungkin diambil terhadap pihak-pihak yang berkenaan? Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada saudara Hanipah Ahmad yang telah bertanya hal ini dan ingin saya mengambil peluang ini untuk memberi klarifikasi yang sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya RM20 bilion yang dikatakan disimpan di Singapura itu ialah wang yang telah tersimpan iaitu daripada rakyat Malaysia, iaitu orang yang menyimpan di luar negeri ini kebanyakannya orang kaya-kayalah. Jadi bukanlah wang yang dilarikan di masa kegawatan ekonomi ini. Jadi wang ini telah lama tersimpan di sana, iaitu rakyat Malaysia memilih menyimpan wang di sana dan kita mendapat butir-butir ini daripada sumber luar juga yang mengatakan wang rakyat Malaysia tersimpan di sana sebanyak RM20 bilion.

Jadi RM20 bilion ini tidaklah merupakan wang dilarikan semenjak 2 Julai 1997, tidak, wang yang dilarikan keluar kita tidak tahu banyak mana. Sebab, untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan Negara yang mulia ini, negara Malaysia mempunyai regim membawa keluar wang dan membawa masuk wang yang sungguh liberal. Seperti mana yang saya jawab di Dewan Rakyat bahawa, mana-mana rakyat Malaysia boleh bawa keluar wang sebanyak mana yang dia suka, dalam kimpit-bimbitkah, dalam bagasi yang di 'check-in' dalamnya, dia boleh bawa sebanyak mana yang dia suka. Dan juga dia boleh bawa masuk sebanyak mana yang dia suka, tidak perlu dilaporkan, tidak perlu diperiksa. Sebab kita mengadakan dasar itu adalah oleh negara kita ialah satu negara perdagangan luar, kalau kita memandangkan bahawa negara Malaysia adalah negara yang cukup bergantung kepada perdagangan asing. Jadi dasar itu ada.

Volume ataupun nisbah dagangan asing negara adalah 170% daripada GDP ataupun KDNK. Negara-negara lain 70%, 90%, 80% sahaja. Kita 170%, jadi kita terpaksa wujudkan dasar ini. Cuma jikalau ada rakyat Malaysia yang hendak menghantar wang melebihi RM100 ribu yang menggunakan sistem perbankan, itu dimestikan lapor sahaja, isi borang, tetapi kalau hendak bawa keluar cash, tak perlu, kastam tak boleh tahan, siapapun tak boleh tahan.

Jadi inilah kedudukannya. Jawapan kepada soalan Yang Berhormat, apakah tindakan yang boleh diambil - tindakan apa pun tidak boleh diambil. Hanya yang kita meminta ialah supaya menyeru kepada semangat patriotisme - rakyat Malaysia yang menyimpan wang di luar, bawa balik wang itu ke dalam negara dan apabila dia bawa balik, dibunuh dalam sistem kewangan negara, maka keadaan apa yang kita katakan “kurang kecairan” di dalam sistem kewangan akan dapat diatasi.

Masalah kita sekarang dalam kegawatan ekonomi yang dihadapi sekarang ialah disebabkan oleh kekurangan kecairan ataupun masalah ‘liquidity’ dalam sistem kewangan. Jadi kalau dia bawa balik, maka akan sedikit sebanyak sembuhlah penyakit yang kita hadapi ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah menyatakan kerajaan telah menambah banyak peruntukan yang melibatkan golongan yang berpendapatan rendah seperti Tabung Perumahan, rumah murah untuk rakyat, seperti Tabung Makanan, seperti IKS dan sebagainya. Tetapi setakat ini, sejauh manakah kerajaan dapat mengesan peruntukan yang diberi dahulu itu dapat dimanfaatkan oleh golongan-golongan ini. Kita tidak mahu hanya mendengar angka-angka ini ditambah, sedangkan angka-angka yang telah diperuntukkan tidak dimanfaatkan oleh golongan ini.

Yang keduanya, saya juga ucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah menyatakan kerajaan tidak boleh buat apa-apa. Kita faham duit RM20 bilion yang disimpan di luar negara itu sebelum berlaku, tetapi kita juga mendengar pemimpin menyeru supaya rakyat yang taat setia dalam keadaan negara menghadapi kegawatan ekonomi ini membawa balik wang ke dalam simpanan negara kita. Dan RM3.5 bilion saja yang berjaya dibawa balik. Apa pandangan kerajaan terhadap golongan manusia yang mendapat kekayaan melalui pembangunan negara ini yang masih lagi enggan membawa balik wang ke dalam negara ini.

Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi, pandangan ataupun dasar kerajaan ialah menyeru. Kita

telah menyeru, banyak Menteri menyeru, Perdana Menteri menyeru, Yang Berhormat tadi pun menyeru. Saya harap seruan Yang Berhormat itu dimasukkan ke dalam akhbar, supaya menyeru balik di atas semangat patriotisme. Bukan kerajaan tidak boleh buat apa-apa, kerajaan tidak boleh buat apa-apa dari segi perundangan, sebab kita tidak ada undang-undang yang menahan ataupun memperkecilkan ataupun memperketatkan sistem pengaliran kewangan kita. Malah kita galakkan pengaliran yang baik. Tetapi sekarang ini kita harapkan perasaan patriotisme, perasaan ulteriorism, rakyat kita dan mereka sedang bawa balik kalau boleh Yang Berhormat kena bersyarah banyak-banyak di Perlis, di manakah, suruh depa bawa balik.

Jadi persoalan sekarang, soal kerajaan tidak boleh buat apa-apa, kerajaan buat, cuma dari segi undang-undang tak boleh buat apa-apa. Dan mengenai dengan pemberian wang kepada projek-projek kecil, soal prestasi, saya hendak sebut satu persatu, mengambil masa yang panjang. Saya cadangkan Yang Berhormat semak di dalam buku - apabila kita buat budget, ada dua buku, satu ialah perangkaan perbelanjaan untuk 1998 dan satu lagi ialah buku prestasi - prestasi itu tebal - Yang Berhormat semak dan Yang Berhormat bolehlah membahaskan apabila kementerian saya membentangkan peruntukan tambahan selepas perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jadi saya hendak beritahu panjang sangat Yang Berhormat, tetapi baca itu dahulu dan kita bahas di sini minggu depan, insya-Allah.

BOT NELAYAN - KES KEMALANGAN DAN GANTI RUGI

2. **Tuan Tan Ek Huat** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan kes di mana bot-bot nelayan yang dilanggar oleh kapal-kapal di Selat Melaka pada tahun 1995, 1996 dan 1997:

- (a) apakah jenis ganti rugi yang boleh dituntut oleh pihak tuan punya bot nelayan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan kemalangan jenis ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di Pertua,

- (a) Bilangan kes yang melibatkan bot-bot nelayan, adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Bil.Kes</u>
1995	6
1996	7
1997	5

Tuan punya bot nelayan boleh membuat tuntutan ganti rugi akibat kemalangan ini secara sivil terhadap pemilik kapal yang menyebabkan kerosakan dan kerugian terhadap bot nelayan berkenaan.

- (b) Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengurangkan kemalangan di Selat Melaka adalah termasuk seperti:
- (i) membina alat-alat bantuan pelayaran, seperti rumah api, bekon dan boya bagi membantu kapal-kapal menentukan kedudukan ataupun posesinya dan sebagai panduan kepada kapal semasa belayar. Setakat ini kerajaan telah membina sebanyak 11 buah rumah api, 221 buah bekon dan 170 buah boya.
 - (ii) mengeluarkan notis kepada marina dari semasa ke semasa untuk memaklumkan perubahan yang berlaku di kawasan pelayaran dan pelabuhan seperti penemuan kapal karam, kawasan cetek, kawasan pembinaan dan sebagainya.
 - (iii) mewujudkan Skim Pemisahan Lalu-Lintas (Traffic Separation Scheme) dengan izin, di Selat Melaka. Ketiga-tiga negara berpantai telah mengambil langkah untuk

memanjangkan skim ini untuk merangkumi keseluruhan Selat Melaka dan Selat Singapura. Langkah ini telahpun dipersetujui secara dasar oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa dan dijangka berkuatkuasa pada Januari 1999. Skim baru ini telah mengambil kira kawasan-kawasan perikanan dan melibatkan kapal-kapal nelayan tidak menangkap ikan di dalam skim pemisah tersebut; dan

- (iv) memasang sistem yang dipanggil 'Vessel Traffic Services', dengan izin, iaitu satu sistem radar yang mengesan pergerakan kapal di Selat Melaka. Sistem ini boleh mengawasi dan mengatur lalu-lintas kapal di Selat Melaka, jika perlu, dan pegawai petugas boleh berhubung terus dengan mereka untuk menasihati kapal-kapal yang melalui Selat Melaka akan sebarang bahaya kepada kapal-kapal. Sekian, terima kasih.

INDAH WATER KONSORTIUM - KENAAN BIL YANG TINGGI KEPADA PENGGUNA

3. Tuan Ibrahim bin Daud minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah masalah-masalah yang menimpa 'Indah Water Konsortium' dapat diatasi kerana pengguna-pengguna masih lagi menerima bil-bil yang jumlah bayarannya tinggi dan tidak munasabah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan dari Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Daud serentak dengan soalan dari Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong pada hari ini juga, memandangkan masalah yang hendak dikemukakan adalah sama, iaitu semuanya mengenai bil yang tinggi dan sama ada pihak kerajaan akan melakukan sesuatu mengenainya.

Untuk makluman Dewan ini, agensi pusat khususnya Unit Perancangan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan juga pihak Kementerian sendiri sedang berunding dengan Indah Water Konsortium untuk menghasilkan struktur baru tarif komersial. Sebaik sahaja kajian ke atas tarif itu siap, ianya akan dibawa ke Jemaah Menteri untuk dipertimbangkan. Pengumuman akan dibuat selepas pihak Jemaah Menteri bersetuju dengan kadar baru yang dicadangkan itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Soalan tambahan. Apakah rasional di sebalik penswastaaan Indah Water menguruskan kemudahan-kemudahan yang melibatkan pengguna-pengguna di bandar-bandar khususnya dan mengapakah pihak kerajaan tidak mengarahkan Indah Water membuat kajian terlebih dahulu dari segi keuntungan, kemudahan dan perkara-perkara yang akan timbul seperti sekarang ini.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kajian ini adalah kajian kedua sejak perkara ini diswastakan dan kali ini pihak IWK diminta mengkaji mengenai takrif komersial sahaja. Bukan takrif mengenai pelanggan perumahan, atau domestic dan juga industri kerana pihak komersial ini, pihak IWK menghadapi banyak masalah mengenai bilnya kerana kebanyakan pelanggan komersial ini enggan bayar kerana melihatkan bil itu terlalu tinggi. Sebab itulah pihak kerajaan sudah mengambil satu keputusan untuk meminta pihak IWK mengkaji perkara ini supaya bil baru atau struktur tarif baru itu boleh diluluskan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan rasional untuk menswastakan satu-satu kegiatan kerajaan supaya ianya dapat memberikan faedah kepada pengguna, kepada orang awam. Tetapi nampaknya, dari segi IWK penswastaannya telah pun membebankan orang ramai. Soalan saya ialah, adakah ini diakibatkan oleh IWK kerana ianya bertukar tangan. Sila nyatakan kepada siapakah IWK ini diberi pada mula-mulanya dan berapa kali ia diruncitkan, di 'retail' bererti dijual beli, adakah kali kedua, ketiga, siapa membeli, siapa yang menjual dan berapa harganya. Kerana saya

bimbang kos yang meningkat dari segi IWK ini kerana adalah untuk pelabur pertama, yang kedua dan kini yang ketiga mungkin untuk mengambil balik keuntungan selepas membiayai projek yang besar.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rasional memang untuk tambah baik keadaan pembedungan atau 'service' pembedungan, perkhidmatan pembedungan seluruh negara dan ini memang selaras dengan tujuan kerajaan supaya pelanggan dengan alasannya pihak yang mengguna itu harus membayar untuk mendapatkan perkhidmatan itu. Izinkan, another words, 'you pay for what ever service that you rendered with'. Oleh sebab itu, maka kita patutlah, kenalah untuk mengadakan satu 'charge' daripada perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan-pelanggan di seluruh negara. Sama ada charge itu adalah tinggi supaya ia bebaskan pelanggan atau rakyat, inilah sebab kita hendak kaji, sebab pertama kali kita meluluskan charge ini, kita rasakan ada pihak-pihak yang menyatakan charge itu terlalu tinggi dan minta kerajaan mengkaji balik. Kita sudah kaji sekali lagi, inilah kajian kali kedua supaya kita dapatkan satu charge yang munasabah dan tidak membebaskan rakyat. Itulah prinsip kita.

Mengenai pertanyaan tadi, siapa yang beli, berapa harganya dan sebagainya, saya rasa, Yang Berhormat, saya tidak ada makluman yang terperinci di sini dan saya tidak dapat memberikan makluman itu, kalau Yang Berhormat perlu, saya akan memberi jawapan itu secara bertulis.

Puan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat jawapan yang tepat, adakah kerajaan sudah berpuas hati ataupun tidak berpuas hati dengan perkhidmatan IWK sekarang?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Soalan ini walaupun 'simple', tetapi agak rumit hendak jawab sebab kita dapat aduan yang banyak daripada pelanggan komersial, menyatakan service tidak cukup memuaskan dan kadar bayaran terlalu tinggi dan ada setengah-tengahnya menyebutkan pihak IWK mengebilkan tetapi tidak ada memberikan tawaran service. Oleh sebab itu maka kita minta pihak IWK yang keluarkan satu kadar yang munasabah dan semua orang seperti penggunaan

domestik itu saya rasa sudah dalam satu tahap yang memuaskan. Sebab kadar itu telah turun, dan seumpamanya, 'low cost housing', rumah kos rendah hanya RM2.00. Oleh sebab itu, maka diterimalah, tidak membebankan tetapi buat masa sekarang kita belum tahu lagi kadar yang baru dan oleh sebab itu, kita haraplah pihak Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini boleh menolong usaha ini supaya bukan sahaja menolong IWK, tetapi menolong usaha untuk menswastakan pembedaan di seluruh negara.

**PEGAWAI INSPECTORATE JABATAN TELEKOM MALAYSIA -
KUATKUASA PERATURAN**

4. **Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Jabatan Telekom Malaysia (JTM) mempunyai inspectoratonya atau bahagian penguatkuasaannya sendiri untuk membantu pelbagai syarikat telekom cellular termasuk Syarikat Telekom Malaysia Bhd. dalam operasi-operasi syarikat-syarikat ini bagi mematuhi peraturan-peraturan di bawah Akta Telekom.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, Jabatan Telekomunikasi Malaysia tidak mempunyai pegawai-pegawai inspectorate atau penguatkuasaannya sendiri untuk membantu syarikat-syarikat telekom cellular termasuk Syarikat Telekom Malaysia. Walau bagaimanapun, JTM bertindak sebagai fasilitator kepada pengusaha-pengusaha rangkaian perkhidmatan telekomunikasi untuk memastikan pengusaha-pengusaha mematuhi peraturan-peraturan di bawah Akta Telekomunikasi 1950 (Peraturan-peraturan Telefon dan Radio Komunikasi).

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengucapkan tahniah kepada kementerian yang berkenaan kerana akhir-akhir ini semakin banyak syarikat telekom yang menawarkan kemudahan telekomunikasi kepada rakyat dan kita dengar syarikat telekom adalah di antara syarikat yang membuat keuntungan yang paling tinggi sekali sekarang ini, walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi. Tidakkah kerajaan berhasrat untuk

selaraskan sewa telefon ini, memandangkan sekarang ini banyak syarikat yang membuat persaingan yang tidak sihat yang akibatnya pengguna-pengguna berpendapatan sederhana menjadi mangsa daripada penipuan dan sekarang ini kemudahan telekomunikasi sudah menjadi satu kemudahan asas yang diperlukan oleh rakyat jelata. Adakah kerajaan bercadang hendak mewujudkan satu konsortium di mana kerajaan menetapkan kadar sewaan bulanan itu. Cuma pengguna perlu membayar, charge kegunaan sahaja. Sekarang ini agak tinggi.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini apa jua bayaran ataupun kadar yang ditetapkan oleh pihak kerajaan memang merupakan satu bayaran yang 'standard'. Semua pengguna dikehendaki membayar ikut standard ini. Tetapi segala tawaran yang ditawarkan oleh pihak pengusaha-pengusaha telekomunikasi ini merupakan strategi pemasaran masing-masing dan pihak kementerian memang menggalakkan mereka untuk memakai berbagai-bagai strategi untuk pemasaran, untuk faedah para pengguna.

MAS - PENYUSUNAN SEMULA ORGANISASI

5. **Puan Hajah Ramlah binti Kassim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan MAS (Malaysian Airlines) terpaksa disusun semula organisasinya dan setakat mana kerajaan perlu menasihati dan campur tangan untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah syarikat penerbangan negara yang terulung.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, penyusunan semula organisasi Penerbangan Malaysia ataupun MAS adalah masih dalam peringkat perancangan, maka oleh yang demikian, saya tidak ada apa-apa maklumat tambahan yang dapat saya beri dan kemungkinan selepas segala perancangan ini dapat ditamatkan, barulah saya beritahu dengan lebih lanjut. Sekian.

MATA PELAJARAN SAINS, MATEMATIK, BAHASA INGGERIS - KELEMAHAN PELAJAR MELAYU

6. **Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Pendidikan menyatakan kelemahan yang berpanjangan kepada pelajar Melayu dalam bidang Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris semakin ketara. Kelulusan dalam Bahasa

Inggeris di dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) adalah membimbangkan 55% pelajar-pelajar Melayu mendapat markah D. Adakah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik dicari supaya pelajar Melayu berminat dan menumpu perhatian semasa belajar.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah kelemahan pelajar-pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Antara usaha-usaha tersebut, termasuklah:

- (i) pendedahan strategi-strategi baru melalui kursus orientasi guru-guru Bahasa Inggeris;
- (ii) pelaksanaan projek 'Class Reader' di Tingkatan I hingga V;
- (iii) penyemakan Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran sekolah rendah dan menengah;
- (iv) penyerapan unsur Kesusasteraan Bahasa Inggeris dalam kurikulum Bahasa Inggeris; dan
- (v) penggunaan komputer dan multimedia untuk mengakses Internet dan perisian dalam bidang ilmu bagi meluaskan lagi penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

Sementara langkah-langkah Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) bagi menggalakkan lagi pelajar berminat terhadap mata pelajaran Sains dan Matematik pula adalah:

- (i) Gerak Gempur Sains dan Matematik;
- (ii) Abakus dan 'Mental Arithmetik' dalam Pengajaran Matematik;
- (iii) Matikria iaitu Pengajaran dan Pembelajaran Matematik yang menyeronokkan, berguna dan mencabar;
- (iv) Probim iaitu Program Bimbingan Khas Matematik;
- (v) Projek Antara Muka iaitu Pengajaran Pembelajaran Sains menggunakan antara muka berkomputer; dan

- (vi) Projek Pembangunan Perisian Pendidikan, iaitu penghasilan perisian pendidikan untuk Pengajaran Pembelajaran Sains dan Matematik.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masa pihak kementerian ghairah meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar, khususnya pelajar-pelajar Melayu, adakah kerajaan sedar bahawa penguasaan Bahasa Melayu itu sendiri semakin merosot. Apakah tindakan kerajaan dalam hal ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan itu kononnya sedang kita mempertingkatkan pencapaian Bahasa Inggeris, tahap Bahasa Melayu itu telah turun, itu tidak benar kerana keputusan SPM, keputusan PMR, UPSR semua menunjukkan bahawa sedang kita cuba mempertingkatkan pencapaian Bahasa Inggeris, keputusan Bahasa Melayu itu juga sudah naik.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:penguasaan.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: penguasaan itu...

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:penguasaan Bahasa Melayu.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Itu tidak benar, kerana kita lihat dari segala segi kegiatan sekolah, penguasaan dan penggunaan Bahasa Melayu itu terlalu luas. Jadi, dakwaan itu tidak benar sama sekali.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sayaohon izin untuk hendak jelaskan apa maksud saya. Kalau kita tengok penguasaan, ini bukan keputusan peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak. Faham dah [*Ketawa*].

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Tan Sri nampak juga saya bangun. Kalau boleh saya juga hendak duduk dekat dengan Tan Sri. [*Ketawa*]. Soalan tambahan, saya hendak bertanya Timbalan Menteri Pendidikan. Saya mendapat maklumat daripada rakan-

rakan bahawa cara guru-guru terutamanya guru-guru berbangsa Cina, mengajar pelajar-pelajar di sekolah Cina mengenai pelajaran Matematik adalah berbeza dengan cara guru-guru lain mengajar. Ini difahamkan oleh rakan-rakan saya. Dan ramai di antara mereka menghantar anak-anak mereka pergi tuition kepada guru-guru ini, mendapati kemampuan ataupun kebolehan anak-anak ini dalam pelajaran matematik meningkat. Adakah pihak kementerian pernah membuat kajian dan adakah pihak kementerian dapat meng'adopt' ataupun menggunakan cara pembelajaran yang digunakan oleh guru-guru ini meluas kepada sistem pelajaran secara 'global'. Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya cara kita mengajar matematik di sekolah Cina dan sekolah kebangsaan itu adalah sama. Daripada beberapa 'feedback' yang diterima, cara pengajaran itu adalah sama, hanya di sekolah-sekolah Cina itu kita nampak bahawa atas usaha-usaha PIBG dan sebagainya, mereka adakan banyak aktiviti yang melibatkan konsep matematik, misalnya ada exhibition dan sebagainya yang melibatkan matematik dan sebagainya. Juga, kita dapati bahawa atas usaha PIBG itu, mereka juga cuba adakan tuisyen, adakan kelas tambahan mata pelajaran matematik, mata pelajaran sains, mata pelajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu pada masa waktu luar sekolah, iaitu petang dan sebagainya. Ini menunjukkan usaha yang kita hendak galakkan juga diadakan di sekolah kebangsaan. Hanya kita sebutkan itu melibatkan sokongan PIBG, khususnya sokongan dari segi kewangan kerana semua aktiviti itu kita perlukan ibu bapa tambah sedikit, RM1, RM2 sebulan supaya kita boleh adakan banyak buku exercise dan sebagainya untuk memperkuatkan pencapaian pelajar-pelajar itu dan juga untuk mempertingkatkan minat mereka terhadap mata pelajaran tersebut.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. Kita dapati anak-anak kita di sekolah rendah dan menengah di akhir-akhir ini terdapat kekurangan yang ketara guru-guru bahasa Inggeris, terutama di luar bandar. Oleh itu kalau kita bercakap tentang globalization, dengan

izin, maka ini menjejaskan pendidikan Bahasa Inggeris anak-anak kita masa depan. Jadi, saya berharap perkara ini dapat kita atasi seberapa cepat yang mungkin demi kebaikan anak-anak kita di bangku sekolah dan juga di pusat-pusat pengajian tinggi, terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, kekurangan guru-guru dengan kepakaran Bahasa Inggeris khususnya untuk sekolah-sekolah di luar bandar adalah satu masalah yang Kementerian Pendidikan sedang dan akan terus mengatasinya. Sebab utama masalah ini timbul bukan kerana kekurangan guru Bahasa Inggeris, kita ada ramai guru-guru Bahasa Inggeris, tetapi kebanyakan mereka merupakan orang perempuan yang telah menjadi isteri kepada suami mereka dan harus mengikuti tempat pekerjaan suami mereka, dan juga kebaikan itu mereka perlulah kita tempatkan di bandar. Ada juga banyak sekolah di bandar di mana kita ada lebihan guru-guru Bahasa Inggeris, itulah masalah yang dihadapi oleh Kementerian Pendidikan. Namun demikian, kita akan terus menambahkan bilangan calon-calon untuk mengikuti kursus Bahasa Inggeris di Maktab Perguruan supaya kita boleh ada lebih ramai lagi guru-guru di bidang tersebut.

SYARIKAT BUKAN BUMIPUTERA MEMBELI SAHAM SYARIKAT BUMIPUTERA - RASIONAL

7. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Kewangan menyatakan:
- (a) rasional kenapa kerajaan membenarkan ekuiti saham bumiputera dibeli oleh bukan bumiputera; dan
 - (b) sama ada kebenaran ini ditarik balik apabila kegawatan ekonomi negara pulih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Dato' Mohd. Zuki Kamaluddin yang juga saya perlu jawab pada hari ini kerana menyentuh isu yang sama.

- (a) Rasional di sebalik keizinan yang diberi kepada syarikat bukan bumiputera untuk membeli saham syarikat milik bumiputera ialah kerana ada di antara syarikat-syarikat bumiputera yang menghadapi masalah kekurangan kecairan atau modal akibat kegawatan ekonomi masa kini yang memerlukan suntikan modal baru supaya dapat meneruskan perniagaan mereka. Dalam keadaan ekonomi sekarang, cadangan tersebut adalah sesuai dan pragmatis. Jika tidak, syarikat-syarikat berkenaan terpaksa menutup perniagaan atau menghadapi kebangkrapan. Kelonggaran tersebut juga bukan sahaja dilihat untuk membantu syarikat bumiputera bermasalah tetapi sebagai usaha meningkatkan pelaburan bagi membantu pemulihan ekonomi.
- (b) Semua dasar kerajaan akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut keadaan dan keperluan di mana penyesuaian yang sewajarnya akan dibuat jika perlu. Begitu juga dengan dasar membenarkan syarikat bukan bumiputera membeli syarikat bumiputera sama ada akan ditarik balik bergantung kepada hasil kajian yang dilakukan kelak. Namun demikian kerajaan tidak boleh menghalang penjualan dan pembelian saham sama ada oleh bumiputera kepada bukan bumiputera atau sebaliknya kerana transaksi tersebut memang berlaku sebelum kegawatan ekonomi lagi. Urusniaga tersebut dibuat di pasaran terbuka mengikut pertimbangan perniagaan dan telah memberi faedah kepada semua pihak yang terlibat walaupun kini lebih terhad kepada ekuiti syarikat yang dimiliki oleh individu bumiputera. Setakat ini, bilangan sebenar syarikat yang telah bertukar tangan dan jumlah modal yang terlibat tidak dapat ditentukan

memandangkan kegawatan ekonomi mula melanda negara pada pertengahan tahun 1997.

- (c) Walaupun kerajaan mengizinkan syarikat bukan bumiputera membeli syarikat milik bumiputera, langkah itu adalah bercorak selektif dan penjualan saham yang akan berlaku tidaklah melibatkan keseluruhan saham sesebuah syarikat bumiputera dan bumiputera masih kekal sebagai pemilik majoriti saham syarikat itu. Saya mahu menegaskan di sini bahawa syarat-syarat penye rtan dan dasar bertujuan mengagihkan kekayaan negara secara adil dan saksama di kalangan semua rakyat Malaysia akan diteruskan bagi memastikan pembangunan negara dapat mempertahankan matlamat keharmonian kaum dan perpaduan negara.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, dalam kerajaan mengutarakan dasar baru ini iaitu di mana saham-saham bumiputera dapat diambil alih oleh bukan bumiputera, adakah pihak kerajaan mengaitkan pula dari segi pencapaian Dasar Ekonomi Baru atau Dasar Pembangunan Negara yang dulunya menetapkan, terutama Dasar Ekonomi Baru, supaya ekuiti di pasaran saham di negara kita ini, matlamatnya ialah untuk hendak mencukupkan supaya bumiputera dapat menguasai sekurang-kurangnya 30%, tetapi apabila wujudnya peralihan baru ini, 'paradigma' baru ini, berkemungkinan pula pencapaian yang pada waktu ini saya anggapkan satu ketika sampai 19% hingga 20% itu mungkin terhakis. Jadi, adakah pihak kerajaan mempunyai jalan atau cara lain iaitu menggunakan - saya ingin hendak tahu berapa banyakkah dana-dana yang berlebihan (surplus) yang dipunyai oleh Khazanah, yang dipunyai oleh PNB, yang dipunyai oleh KWSP (EPF) yang boleh kita juruskan dari segi mengambil alih ekuiti ini supaya mereka

secara sementara dapat menguasai ekuiti dan juga dasar syarikat-syarikat ini dan pada masa ianya pulih nanti, dikembalikan kepada pihak bumiputera yang mampu.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Dato' Abdul Aziz. Ingin saya tegaskan lagi sekali bahawa dasar membolehkan bukan bumiputera membeli saham bumiputera adalah dasar yang selektif dan apa yang berlaku sekarang ini, ingin saya nyatakan bahawa mana-mana syarikat bumiputera apabila dibolehkan bukan bumiputera membeli syarikatnya, pegangan bumiputera itu tidak terhakis, pegangan majoriti ataupun controlling stake, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tidak terhakis dan ianya terus menjadi syarikat bumiputera.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' Aziz, pada masa ini dana ataupun modal bumiputera di dalam BSKL merupakan 36% daripada keseluruhan modal yang dipegang oleh orang dalam dan orang asing di dalam BSKL yang pada masa ini capitalizationnya Yang Berhormat sedia maklum telah turun daripada RM800 bilion kepada RM360 bilion disebabkan pelarian modal jangka pendek. Jadi, apa yang kerajaan lakukan adalah merupakan satu dasar yang pragmatis, yang kita kata short-terms (jangka pendek) untuk menyelamatkan mana-mana syarikat bumiputera yang berhadapan dengan kemungkinan kebangkrapan dan juga penutupan. Jadi, dasar ini sebagaimana yang saya tegaskan tadi adalah satu usaha yang pragmatis.

Mengenai dengan berapa banyaknya dana-dana surplus yang dipegang oleh badan-badan yang menjaga kepentingan bumiputera tidak dapat saya beritahu setakat terperinci tetapi sebagaimana Yang Berhormat maklum bahawa Khazanah Malaysia, PNB malah Petronas sekalipun mempunyai dana-dana ini dan ini sedang dilakukan setakat mana yang boleh. Tetapi untuk kita menggantungkan kepada dana-dana ini sahaja mungkin tidak cukup, jadi kita bagi peluang. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri bukan sahaja bumiputera menjual sahamnya kepada bukan bumiputera, bumiputera pun membeli yang bukan bumiputera. Jadi, keadaannya adalah dalam keadaan yang

'flux' yang tidak statis, ianya dinamis, tetapi setakat ini pemegangan bumiputera di dalam ekuiti BSKL adalah melebihi daripada tahap yang kita kehendaki.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada sebutan 'selektif'. Saya berasa curiga kemungkinan akan berlaku pilih kasih semasa melaksanakan selektif. Apakah asas-asas atau penentuan supaya selektif ini tidak menjadi pilih kasih semasa kerajaan melaksanakan dasar-dasar untuk menentukan mana-mana syarikat bumiputera yang terlibat dengan kegawatan ekonomi sekarang.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soal pilih kasih tidak berbangkit kerana kita membenarkan mana-mana 'counter' ataupun mana-mana pegangan bumiputera dibeli oleh bukan bumiputera, bukan kerajaan membelinya, tidak. Dibeli oleh lain-lain rakyat Malaysia iaitu orang yang bukan bumiputera. Jadi, mereka akan memilih mana-mana counter ataupun mana-mana firma mengikut kekuatan ataupun potensi syarikat itu. Jadi, soal pilih kasih tidak berbangkit. Jadi, dia memilih berasaskan kepada merit syarikat itu sendiri. Di sini biarlah pihak pasaran iaitu bukan bumiputera, termasuk rakyat Malaysia dan bukan rakyat Malaysia, untuk melihat mana-mana syarikat bumiputera yang membenarkan syarikatnya dibeli dan kriterianya adalah kriteria merit semata-mata.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, agaknya soalan saya ini dapat kalau diizinkan untuk kembali kepada soalan yang pertama tadi, kerana saya tidak berkesempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang pertama?

Puan Jamilah binti Ibrahim: Soalan dalam soalan yang pertama tadi saya belum berkesempatan, tetapi mengenai kewangan juga. Ya, saya nampak wakilnya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat mas a sudah mencukupi. Lain kalilah Yang Berhormat boleh bertanya ya. *[Ketawa]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: Sayang juga soalan ini untuk kepentingan kita dan kebaikan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih baik boleh minta lain kali, lain kali boleh. Insyallah.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Ya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ghazi Haji Ramli. Pasal banyak lagi soalan-soalan Yang Berhormat hendak dijawab ini.

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA - STRATEGI DAN PROGRAM KERAJAAN

8. **Dato' Ghazi bin Haji Ramli** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah strategi dan program kerajaan bagi menentukan kawalan mutu terjamin dan juga penempatan pelajar-pelajar bumiputera yang seimbang dan selaras dengan langkah kerajaan menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Ilmu (Centre of Excellence) dengan menggalakkan pihak swasta menubuhkan Institusi Pengajian Tinggi masing-masing. Bagaimana pula dengan soal pengiktirafan bagi sijil/ijazah yang dikeluarkan nanti.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sesebuah institusi tinggi swasta dan kursus yang dikendalikan adalah atas permintaan dan juga inisiatif pihak swasta itu sendiri. Pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi swasta pula bergantung kepada kelayakan dan kemampuan ibu bapa pelajar berkaitan. Kerajaan sentiasa mengawalselia secara berterusan penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta mengikut syarat penubuhan dan pendaftaran dan untuk menentukan bahawa permohonan yang dibuat oleh semua pelajar dapat dilayan dengan adilnya.

PENDARATAN PESAWAT DI GEBENG, KUANTAN

9. **Dr. Yeow Seng Huat** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) mengapa juruterbang yang mendarat di Gebeng, Kuantan pada 18 Februari tahun ini dapat berangkat keluar daripada negeri kita dalam masa yang singkat tanpa sebarang penyiasatan lanjut; dan
- (b) apakah kelemahan sistem kawalan kita jika ada dan perlu diperketatkan supaya kes tersebut itu tidak dapat diulangi kelak.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi bahagian:-

- (a) Pesawat HSAMT, sebuah pesawat kecil jenis Piper 31 telah memperoleh kebenaran melintas ruang udara Malaysia melalui Pusat Kawalan Trafik Udara Bangkok pada 18 Februari 1998. Walau bagaimanapun, semasa penerbangannya komunikasi radio di antara Pusat Kawalan Trafik Udara Malaysia dengan pesawat tersebut telah terputus apabila pesawat di ruang udara utara Kota Bharu. Akibat dari itu, tindakan kecemasan untuk mencari pesawat tersebut telah pun dimulakan oleh Pihak Kawalan Trafik Udara Bangkok dan Kuala Lumpur. Pada jam 10.00 malam hari itu Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur telah pun dimaklumkan bahawa pesawat berkenaan telah membuat pendaratan kecemasan atas sebuah tapak pembinaan di Gebeng, Kuantan dan juruterbang pula tidak berada di situ. Setelah penyiasatan, adalah didapati juruterbang telah berangkat keluar dari Malaysia tanpa membuat sebarang laporan kepada mana-mana pihak berkuasa kerajaan.

Jabatan Penerbangan Awam Malaysia telah memulakan penyiasatan sebaik sahaja kejadian berkenaan berlaku. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penyiasatan telah dijalankan bersama-sama pihak berkuasa tempatan dan asing. Antara maklumat-maklumat yang penting yang telah diperolehi akibat penyiasatan adalah seperti berikut:

- (i) menurut flight plan, dengan izin, pesawat berkenaan membuat penerbangan dari Thailand ke Singapura dengan hanya melintasi ruang udara Malaysia tanpa membuat pendaratan;
- (ii) komunikasi radio pesawat telah menghadapi kerosakan dan dengan ini tidak dapat berhubung, berkomunikasi dengan pusat kawalan trafik udara;

- (iii) pendaratan kecemasan terpaksa dibuat oleh juruterbang di Gebeng, Kuantan kerana pesawat berkenaan telah menghadapi masalah kekurangan minyak;
- (iv) pesawat berkenaan dimiliki oleh AMT Helicopters, sebuah syarikat Australia dan pesawat berkenaan telah diberi sijil Air Worthiness, dengan izin, oleh pihak berkuasa penerbangan awam Thailand;
- (v) juruterbang pesawat berkenaan telah dibenarkan berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah oleh pihak Imigresen setelah diberi alasan-alasan tertentu;
- (vi) penerbangan pesawat berkenaan telah dapat dikesan oleh sistem radar di Kuantan apabila ianya bergerak dalam ruang udara Malaysia; dan
- (vii) penyiasatan yang dijalankan oleh pihak polis telah mengesahkan bahawa juruterbang serta pesawat berkenaan tidak terlibat dalam apa-apa tindakan bercorak penjenayah atau melakukan sesuatu yang mempunyai impak negatif kepada kepentingan negara.

Pihak AMT Helicopters telah membuat peraturan untuk membawa pesawat berkenaan balik ke Australia dalam bulan Mei tahun ini dan DCA telah membenarkan pesawat berkenaan dipulangkan kepada pemiliknya di Australia berasaskan kepada kehendak dan peraturan yang ditetapkan.

- (b) Tuan Yang di-Pertua, setelah penyiasatan dijalankan adalah didapati bahawa sistem kawalan trafik udara civil dan military adalah baik dan dapat mengesan pesawat-pesawat termasuk pesawat-pesawat kecil yang bergerak dalam ruang udara Malaysia. Namun demikian, peraturan-peraturan yang sedia ada sedang dipertingkatkan demi kepentingan serta keselamatan penerbangan dalam ruang udara Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERIAN BIJI BENIH -

MENGURANGKAN IMPORT SAYUR-SAYURAN

10. **Tuan Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Pertanian menyatakan setakat manakah usaha kerajaan dalam memberi biji benih sayur-sayuran kepada rakyat untuk ditanam di kawasan rumah mereka telah dapat mengurangkan import sayur-sayuran dari luar negeri dan adakah amalan ini akan diteruskan walaupun keadaan ekonomi sudah pulih kelak.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini adalah sukar bagi Kementerian Pertanian membuat penilaian mengenai impak kempen menggalakkan orang ramai menanam sayur-sayuran di persekitaran rumah ke atas import sayur-sayuran dari luar negeri. Sebabnya ialah hasil penilaian kempen menggalakkan penanaman sayur-sayuran ini mengambil masa dan faktor-faktor lain perlu diambil kira.

Selain daripada itu, perangkaan diterima oleh Kementerian Pertanian mengenai import bahan-bahan makanan adalah sehingga bulan Januari 1998 sahaja. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian bersama agensi-agensi berkenaan telah mula mengambil tindakan susulan untuk mengawasi pengeluaran bahan-bahan makanan tempatan dan juga trend import bahan-bahan makanan dari luar negeri. Satu penilaian akan dibuat kelak untuk menilai impak kempen penggalakan pengeluaran makanan dalam membantu mengurangkan import. Kementerian Pertanian akan terus menggalakkan orang ramai untuk menanam sayur-sayuran sendiri walaupun keadaan ekonomi sudah pulih kelak kerana kempen seumpama ini boleh membantu negara mengurangkan import di samping membanteraskan kenaikan harga bahan-bahan perlu.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana berusaha begitu gigih untuk mengurangkan pengimportan barang-barang makanan yang kini meningkat berjumlah hampir RM9 bilion hingga RM10 bilion setahun.

Soalnya sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bertanya adakah pihak kementerian bersedia untuk mewujudkan benih-benih bukan sahaja sayur bahkan berbagai-bagai jenis benih untuk diberikan kepada penternak, nelayan, petani di seluruh negara kita ini kerana saya difahamkan kebanyakan benih-benih yang ditanya diimport dari Thailand, saya baru-baru ini bertanya tentang kelapa pandan. Kelapa pandan rupanya kena import dari sana. Buah sentang pun kena import dari tempat lain. Jadi soalan saya, berapa luaskah tanah yang dipunyai oleh Kementerian Pertanian di seluruh negara yang diberi oleh kerajaan negeri ini dan apakah tanah-tanah yang dipunyai oleh kementerian ini digunakan untuk menyemai benih-benih supaya benih-benih ini dapat diedarkan kepada pengguna-pengguna secara komersial.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa pada projek-projek tanaman sekeliling rumah benih-benih memang cukup. Tinggal lagi kepada pengusaha-pengusaha yang hendak buat secara besar-besaran, secara komersial, ini kita mengakui sebahagian benih tidak cukup. Tentang kelapa pandan, pada masa ini benihnya juga tidak cukup kalau cara estet tapi kalau hendak buat 10 ekar, 5 ekar, insya-Allah, kita ada MARDI untuk membekalnya.

Tentang luas tanah Kementerian Pertanian sehingga ini tidak ada angka di sini, tetapi walau bagaimanapun saya hendak jelaskan untuk mengeluarkan benih adalah memerlukan teknologi yang canggih. Tidak sebagaimana digunakan untuk makanan, perlu ditanam dan terus keluar hasilnya. Tetapi bagi kegunaan segala benih mesti mempunyai teknologi yang canggih untuk memastikan tanaman yang akan dihasilkan itu bernilai. Ini bermakna bukan semua orang boleh membuat benih. Benih ini mesti lengkap, memerlukan berjuta-juta ringgit kos bagi pengeluarannya termasuk siap bilik sejuknya, sistem greding dan lain-lain lagi. Jadi proses pengeluaran benih ini ia memerlukan kualiti yang baik.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kita sedia maklum bahawa import barang-barang makanan adalah lebih daripada RM10 bilion dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri berkali-kali menyebut supaya agensi kerajaan yang terlibat di bawah Kementerian Pertanian menggunakan segala daya usaha yang ada pada mereka untuk menggembelngkan petani-petani dalam meningkatkan produk-produk pertanian ini seperti tanam sayur dan sebagainya.

Dahulu saya pernah syorkan supaya kita beri penekanan kepada hidroponik dan Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri berkata kos hidroponik itu terlalu tinggi dan tidak sesuai. Apakah peranan agensi kerajaan untuk menggembelngkan petani-petani supaya meningkatkan hasil pertanian mereka dan mereka ini tidak menjadi mangsa seperti satu masa kita galakkan tanam tembikai dan sebagainya. Bila tiba masalah pemasaran, petani mengalami kerugian.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat.

Jadi, Yang Berhormat sendiri sudah menjawab soalan Yang Berhormat. Kalau kita kempen besar-besaran bahan makanan yang tidak boleh tahan lama, sudah pasti pasarannya jadi masalah. Jadi, sebab itu kami di Kementerian Pertanian kempen tanam di sekeliling rumah untuk makan sendiri, sama ada secara hidroponik ataupun sistem tanam di atas tanah tetapi untuk tanaman makan sendiri. Kalau ada lebih hadiahkan kepada jiran sekeliling. Soalnya tidak timbul masalah pemasaran. Tetapi kepada mereka yang hendak membuat secara komersial, pastikan pemasaran itu ada. Kementerian tidak boleh bertanggungjawab kepada mereka yang membuat komersial ini, kerana mereka sendiri hendaklah memastikan di mana pasaran yang mereka hendak keluarkan. Berapa banyak? Ini mesti mereka sendiri tentukan.

Memang benar kita telah beberapa kali menghadapi masalah misalnya kobis, dua tahun lalu di Cameron Highlands harganya 25 sen sahaja sekilo, sedangkan kos kita ialah 25 sen - 30 sen sekilo. Jadi hendak atau tidak hendak

kementerian mengarahkan FAMA supaya membeli 35 sen sekilo. Sebab itulah kami tidak begitu yakin bahawa kalau kempen tanaman sayur ini secara besar-besaran, akibatnya pasaran akan menjadi masalah. Tapi dengan adanya kempen tanam sekeliling rumah, insya-Allah, sayur import dapat dikurangkan. Kita tidak perlu banyak import lagi sebagaimana masa-masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 41 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL-USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu”.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri seperti yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.”

JAWATANKUASA PEMILIH - PERLANTIKAN AHLI-AHLI

3.42 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Keempat Parlimen Kesembilan:

- (i) Yang Berhormat Datuk Chong Kah Kiat;
- (ii) Yang Berhormat Datuk Khoo Keok Hai;
- (iii) Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu; dan
- (iv) Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.”

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri seperti yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Keempat Parlimen Kesembilan:

- (i) Yang Berhormat Datuk Chong Kah Kiat;
- (ii) Yang Berhormat Datuk Khoo Keok Hai;
- (iii) Yang Berhormat Dato’ Dr. T. Marimuthu; dan
- (iv) Yang Berhormat Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.”

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

3.45 ptg.

Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, mohon mencadangkan:

Bahawa suatu ucapan dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan sebanyak-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan

Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keempat
Parlimen Kesembilan.”

Dengan rasa syukur, semenjak merdeka, dan khususnya di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, yang telah melakukan pelbagai usaha demi memajukan negara. Kita telah membuat banyak kejayaan dalam bidang politik dan ekonomi, baik di dalam negara mahupun di luar negara. Walau bagaimanapun, kita merasa sedih kerana tiba-tiba kita dilanda dengan masalah ekonomi yang menggugat kemakmuran yang kita kecapai selama ini. Tetapi yang menggembirakan, kita masih lagi dapat mempertahankan kestabilan dan keharmonian yang merupakan kejayaan yang paling besar dalam usaha pembangunan kita di sebalik masalah ekonomi dan masalah yang berkaitan dengannya. Ini adalah berbeza dengan apa yang dialami oleh setengah negara jiran.

Namun kita tidak seharusnya merasa kecewa dan putus asa dengan dugaan yang sedang kita hadapi ini. Dalam keadaan sekarang pun, kita masih lagi jauh lebih baik, berbanding dengan negara-negara yang mengalami masalah kebuluran, peperangan dan kemiskinan, yang terlalu teruk berlaku. Insyaa-Allah, kita akan terus berusaha dan berdoa agar segala permasalahan yang kita hadapi ini akan berakhir tetapi kita perlu bersatu padu dan menanam keyakinan yang kita mampu mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, di petang yang mulia ini, saya mengambil kesempatan untuk membahaskan beberapa perkara, antaranya ialah masalah ekonomi, yang menjadi satu tajuk yang amat diminati oleh rakyat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya akan juga menyentuh masalah air, keselamatan, NGO, Sukom, pendidikan dan jika ada masa saya akan menyentuh juga berkenaan dengan alam sekitar.

Pada bulan Julai 1997, merupakan bulan yang tidak dapat kita lupakan. Tidak pernah kita menduga, ekonomi serta mata wang kita telah menurun dengan

begitu mendadak. Semenjak kejadian itu, yang juga telah menyebabkan kejatuhan teruk nilai Baht, Thailand, ekonomi Malaysia juga telah terjejas teruk akibat kesan jangkitan yang telah melanda rantau ini. Tetapi kita mesti ingat, bukan kita sahaja yang menghadapi masalah ini, tetapi juga seluruh rantau ini.

Serangan ke atas mata wang yang melanda rantau ini datang ibarat taufan, ianya datang secara mendadak, tanpa sempat kita melakukan apa-apa. Serangan yang agresif ke atas mata wang kini sudah reda, namun kita tidak pasti apakah yang terburuk telah pun berakhir. Melihat kepada keadaan malang yang menimpa kita sekarang, tidak ada keraguan lagi bahawa kita menghadapi krisis ekonomi dan kewangan yang amat serius. Apa yang kita hadapi sekarang bukan sahaja krisis kewangan dan ekonomi, tetapi adalah ledakan bisa daripada siri pembangunan yang berlebihan sejak beberapa tahun, pertumbuhan yang tinggi dan kesan yang dihadapi dari permasalahan ekonomi di rantau ini.

Kesannya telah menyebabkan hilangnya kepercayaan dan keyakinan dengan ketara dan krisis ekonomi serta kewangan telah menurun dengan begitu mendadak sehingga pakar ekonomi yang terbaik pun, mahupun penggubal polisi tidak mampu menjangkakan apakah polisi-polisi atau langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasinya secepat mungkin. Agak mengejutkan kerana ia berlaku semasa ekonomi kita sedang berkembang pesat dan dari segi sumber tenaga manusia, kita berada dalam keadaan guna tenaga penuh, tetapi semua ini telah musnah.

Namun, agak menggalakkan juga kerana masih ramai yang percaya bahawa asas ekonomi kita adalah kukuh sedikit. Tetapi kita jangan leka kerana mana-mana asas ekonomi terbaik di dunia boleh hilang begitu sahaja mengikut masa. Cuba kita ambil contoh Korea Selatan, Korea Selatan adalah contoh terbaik untuk kita. Kalau pada 1½ tahun yang lalu, jika ada sesiapa yang meramalkan bahawa Korea Selatan memerlukan bantuan IMF, ramalan itu mungkin dianggap tidak siuman. Justeru itu, apa-apa asas ekonomi kita yang kukuh, yang kita ada sekarang,

hendaklah kita mempertahankan dengan melakukan perkara yang sewajarnya. Kita harus mengelakkan nasib malang sebagaimana yang menimpa Korea Selatan.

Kita telah menyatakannya dan sememangnya pujian wajar diberi kepada pemimpin kita, terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang cuba menjauhkan negara dari terikat dengan IMF. Saya berpendapat ianya adalah keputusan yang tepat. Namun ia tidak bermakna kita bermusuhan dengan IMF, yang merupakan badan antarabangsa yang dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya yang dahulu, saya ada menyentuh berkenaan dengan IMF. Di sini saya ingin menyentuh sedikit sahaja lagi, sebab inilah satu perkara yang patut kita mengetahui kedudukannya. IMF telah ditubuhkan selepas Perang Dunia Yang Kedua, untuk membantu negara-negara mengatasi masalah imbalan bayaran yang negatif. Apabila matlamat asal dan kadar pertukaran yang tetap tidak wujud di awal tahun 70-an, maka dana ini digunakan untuk tujuan ekonomi iaitu untuk membangunkan perniagaan. Kegagalan berterusan dalam bidang baru tidak menghalang IMF untuk berkembang dalam pasaran yang wujud dari kejatuhan komunism. Musim luruh, dengan izin, last fall yang lalu, Kerajaan Amerika telah bersetuju untuk meningkatkan asas modal IMF sebanyak US\$100 bilion lagi dan Pengarah Eksekutif Dananya, yang kita semua tahu Michel Camdessus sedang berusaha untuk menambahkan US\$60 bilion lagi kepada tabung ini.

Walaupun IMF meletakkan syarat-syarat yang ketat ke atas peminjamnya, namun ia sentiasa memfokuskan kepada ukuran perakaunan yang sempit seperti menurunkan nilai mata wang contohnya. Ini menyebabkan ekonomi negara peminjam menghadapi masalah. Di samping itu, pihak IMF tidak segan-segan dan ghairah menawarkan pinjaman. Dalam dua dekad yang lalu, (20 tahun yang lalu) IMF dan peminjam yang lain telah meminjam ataupun saya menggunakan perkataan 'bail-out', dengan izin, ekonomi Mexico sebanyak empat kali, ini menghalang negara itu membuat reformasi ekonomi yang ketat sendiri.

Mengikuti Bryan Johnson dan Brett Schaefer dari Heritage Foundation, angka menunjukkan lebih daripada setengah peminjam IMF pada tahun 1965 – 1995, tidak mendapat begitu faedah, mereka serupa sebelum mereka meminjam duit itu, keadaan mereka susah, miskin seperti dahulu juga dan satu pertiga menjadi lebih miskin, yang meminjam duit IMF ini. Dalam 20 tahun kebelakangan ini, 84 buah negara telah meminjam duit daripada dana IMF.

Masalah kewangan, Tuan Yang di-Pertua, memerlukan reformasi ataupun pembaharuan ekonomi dan bukannya pinjaman IMF. Kini dalam negara mula meliberalisasi kembalinya pelaburan individu dan kemudahan kredit, sudah sampai masanya dana ini untuk ditutup atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh tentang prespektif pembangunan negara kita beberapa tahun yang lalu. Kita agak sedih, kerana terutamanya sektor swasta, tidak mempelajari pengalaman yang kita perolehi semasa kita menghadapi kemelesetan ekonomi pada pertengahan tahun 80-an, terutamanya di sektor swasta. Kegawatan yang kita alami di tahun 1985, biarpun dengan pertubuhan negatif, sebenarnya terlalu kecil jika kita bandingkan dengan apa yang kita alami sekarang ini. Kini kita menghadapi penurunan pengeluaran, penurunan pelaburan, kejatuhan perniagaan, krisis dalam sektor hartanah, kewangan, perbankan, peningkatan inflasi, kejatuhan dalam taraf hidup dan kini kita dibanjiri pula dengan pendatang haram secara tiba-tiba. Semuanya ini berlaku secara serentak.

Isu di sini adakah kita mampu mengatasi kombinasi masalah yang kita hadapi sekarang. Saya amat positif dan yakin kita dapat mengatasinya jika kita bertindak berani untuk mengadakan agenda politik, ekonomi dan sosial yang betul dan mengambil tindakan proaktif, konsisten dan berterusan daripada hanya bertindak apabila satu-satu masalah berlaku, *ad hoc*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kita harus ingat bahawa kita tidak boleh pulih daripada masalah ini jika kita tidak yakin yang kita boleh memulihnya.

- (i) kita tidak akan pulih, jika kita terutamanya sektor swasta berterusan mengamalkan gaya hidup seperti tahun-tahun yang lepas seperti berbelanja mewah, membazir dan menggunakan barang import;
- (ii) kita tidak akan pulih jika kita sektor swasta tidak berubah dalam membuat dan memberi pinjaman di dalam banyak hal kita sentiasa berbelanja dan meminjam melebihi dari keupayaan kita. Dalam memberi pinjaman pula, kita dalam banyak keadaan memberi berdasarkan pengaruh syarikat dan individu, sehingga alpa dalam menilai keupayaan pemohon;
- (iii) kita tidak akan pulih jika kita tidak bertindak untuk memeriksa diri sendiri dalam mencari kesilapan yang telah kita lakukan atau mengkaji apakah masalah ekonomi kita yang sebenarnya dan langkah-langkah serta tindakan yang betul untuk mengatasinya; dan
- (iv) kita tidak akan pulih jika kita tidak bersungguh-sungguh mengatasi perbuatan rasuah dan pembaziran ekonomi dan juga terus memberi perlindungan kepada ahli perniagaan yang bermasalah yang mana mereka sebenarnya tidak ada kelayakan, kebolehan, pandangan jauh dalam perniagaan untuk berada ditempat yang didudukinya sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita membangunkan negara, kita telah melakukan kesilapan. Tetapi siapa yang tidak melakukan kesilapan! Dalam beberapa tahun yang lepas kita rasa berbangga kerana kita berjaya membina pasaran saham yang terbesar di rantau ini dengan permodalan yang terbesar dan bilangan syarikat yang terbanyak pernah disenaraikan. Namun apa yang telah berlaku pada pasaran saham kita. Sudah pasti kualiti sebenar ke atas pasaran

saham tidak terletak kepada berapa besar pasaran modal atau banyaknya jumlah syarikat yang tersenarai tetapi lebih kepada kualitinya. Sesungguhnya apa yang berlaku kepada pasaran saham kita patut menjadi pengajaran yang berguna kepada kita.

Pujian sekali lagi harus diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana kebijaksanaan dan keberanian beliau untuk membuat beberapa keputusan yang agak sedih dan pedih tetapi perlu seperti menangguhkan atau membatalkan beberapa projek mega. Meneruskan projek-projek ini akan menyebabkan negara akan terus dilanda masalah ekonomi. Walaupun tidak disangkal projek-projek mega ini akan memberi manfaat kepada rakyat di dalam keadaan ekonomi yang baik namun Perdana Menteri dapat melihat bahawa ianya tidak sesuai dilaksanakan pada waktu ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengkritik memang mudah lebih-lebih lagi di waktu sekarang, di mana kita mempunyai ramai pengkritik, ramai yang mengkritik kerajaan, sekadar untuk mengkritik. Saya tidak bermaksud kita patut mengkritikkannya tetapi kritiklah jika perlu, selagi kritik itu ikhlas, membina dan tidak terus menjejaskan negara. Kerajaan pada pendapat saya akan menerima kritikan yang membina sebagai panduan yang berguna untuk membangunkan negara, dengan kerjasama dan sokongan rakyat kita akan berjaya insya-Allah. Walaupun begitu tidak semuanya telah hilang akibat kemelut ini. Asas-asas fundamental kita masih lagi meyakinkan dan jika kita meletakkan dengan betul dan melakukan bersungguh-sungguh dengan ketulusan dan bertanggungjawab, saya tidak ragu-ragu yang kita akan kembali mendapat keyakinan antarabangsa yang telah pun hilang. IMF juga berkeyakinan yang kita berada di dalam landasan yang betul untuk pemulihan. Yang menarik juga, reformasi kewangan yang disuarakan

oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang dahulunya dikritik dan ditolak oleh Amerika Syarikat dan negara Barat, kini telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dari IMF dan beberapa negara yang sebelum ini mengkritik dengan keras. Ini adalah kejayaan yang bukannya untuk Malaysia sahaja tetapi kepada institusi kewangan secara global, kejayaan ini diharapkan memberi kesan yang lebih baik kepada kestabilan sistem kewangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menarik perhatian tentang beberapa perkara yang saya rasa boleh menjadi petunjuk terhadap keupayaan kita untuk pulih dari masalah ekonomi dengan lebih pantas. Mata wang kita telah menunjukkan pemulihan dari tahap terendah iaitu RM4.8 untuk US\$1 beberapa bulan yang lalu kepada RM3.8 untuk US\$1 pada waktu ini. Imbangan negara juga telah menunjukkan, peningkatan yang mendadak.

Untuk dua bulan yang lepas sahaja kita telah memperolehi lebih dagangan sebanyak RM5 bilion, ini disebabkan penyertaan nilai eksport dan penurunan nilai import. Pelaburan terus dari negara asing tidak menunjukkan penurunan dan mereka kembali memasuki pasaran dengan begitu menggalakkan. Namun begitu kita tahu negara menghadapi tekanan inflasi tetapi tekanan ini tidaklah terbentuk dan setengah sektor telah menjadi relatif lebih murah contohnya di sektor hartanah terutamanya kondominium, ruang pejabat, kenderaan dan juga buruh. Walaupun kita agak sedih kerana ramai para pekerja telah pun diberhentikan. Walaupun begitu terdapat sedikit peningkatan terhadap kejatuhan ekonomi yang teruk, namun kita telah berjaya mengekang kejatuhan berterusan mata wang kita yang berlaku pada akhir tahun lalu dan awal tahun ini. Tiada siapa yang boleh menyatakan dengan pasti apakah kita telah melepasi masa yang terburuk tetapi sekurang-kurangnya ianya adalah lebih baik berbanding di peringkat krisis kewangan. Tetapi cabaran untuk kita hadapi masih lagi banyak, masih banyak yang perlu kita lakukan, kita kena mengukuhkan rizab luar negara. Pengalaman-pengalaman pada tahun 1985,1986 dan sekarang telah menunjukkan kepada kita akan kepentingan rizab luar negara. Dalam tahun 1985 apabila kemelesetan

berlaku pada tahap yang tinggi, kita terperangkap, kita telah pun terjerat dengan kekurangan dalam rizab luar.

Pada masa sekarang, dalam keadaan ekonomi yang lembab kita terkejut kerana setelah 9 tahun mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan apa yang boleh kita tunjukkan dalam rizab luar negara kita hanyalah mencukupi untuk menampung import selama tiga ke empat bulan sahaja. Secara kasar jumlah hanyalah sekitar RM5.8 bilion atau lebih kurang US\$15.7 bilion, ini adalah terlalu rendah untuk mempertahankan nilai mata wang, rizab yang kita ada tidak boleh mempertahankan nilai mata wang dari serangan spekulator, dengan izin, kelemahan kita terhadap spekulator amat jelas ditunjukkan dengan kelemahan kita dengan nilai rizab luar negara. Kita harus belajar daripada kejatuhan mata wang kita, insya-Allah keperluan bagi negara untuk membina asas pendapatan negara di samping membina pendinding dari serangan spekulator terhadap mata wang telah pun ada. Nilai rizab luar yang besar merupakan satu pendinding yang baik, kita seharusnya mencapai tahap sekurang-kurangnya bersamaan dengan nilai enam bulan import dan tidak tiga bulan atau empat bulan. Ianya sangat penting jikalau bertujuan untuk mempertahankan margin keselamatan yang mencukupi. Ini kerana negara mengalami peningkatan import sejajar dengan perkembangan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, agak menyedihkan apabila Bank Negara secara konsisten telah kehilangan berbilion ringgit dalam campur tangannya dalam perniagaan mata wang dahulu. Terlalu kerap mereka memberi alasan bahawa kerugian terpaksa dialami untuk tujuan mempertahankan ringgit kita, ianya suatu kenyataan yang selalu diulang-ulang. Campur tangan dalam perniagaan mata wang hanyalah baik untuk jangka pendek sahaja dan ianya tidak akan berkekalan. Tindakan kita untuk memilih pendekatan jangka pendek menunjukkan kita tidak yakin dalam menguruskan pendekatan jangka panjang secara berkesan.

Saya ingin menyentuh tentang penggabungan bank-bank, adakah ia bertujuan untuk membesarkan saiz bank atau untuk tujuan meningkatkan kualiti. Penggabungan dua atau lebih bank yang lemah akan mewujudkan sebuah bank besar

yang lemah, sudah pasti bukan ini yang kita mahu, sudah pasti apa yang kita mahu adalah untuk menggabungkan bank-bank kecil yang bermutu ataupun penggabungan bank-bank yang besar untuk menyelamatkan satu atau lebih bank-bank yang bermasalah. Kita seharusnya mengamalkan budaya ini dan bukan bergabung kerana kita terpaksa bergabung.

Proses globalisasi dan internalization, dengan izin, terhadap perkhidmatan perbankan tidak dapat dielakkan. Bank-bank Malaysia terpaksa belajar untuk bersaing di peringkat antarabangsa dengan kemajuan World Trade Organization (WTO) dengan izin, adalah tidak dapat dielakkan sistem kewangan Malaysia terpaksa lebih diliberalisasi dan lebih terbuka. Akan terdapat kemasukan pesaing luar yang mana negara terpaksa menerima di masa akan datang, dan proses penggabungan ini adalah persediaan yang baik yang kerajaan lakukan.

Langkah seterusnya ialah untuk mengglobalisasi, ini bahasa orang putih ni kalau guna bahasa orang Melayu ini susah....

Seorang Ahli: Mengglobalisasi.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Datuk Haji Ibrahim dia senang sebab dia selalu guna bahasa orang putih, saya ini nak guna bahasa orang putih ke Bahasa Malaysia susah sikit sebab dah biasa bercakap Bahasa Malaysia. Perkhidmatan perbankan Malaysia dan bersaing di peringkat antarabangsa ini adalah proses pembelajaran yang tidak boleh ditinggalkan dalam era World Trade Organization (WTO) seperti apa yang perkatakan tadi. Namun begitu krisis ini menunjukkan betapa pentingnya rangka dasar makro ekonomi bukan mikro Datuk Haji Ibrahim, makro ekonomi yang kukuh dan secara menyeluruh. Kestabilan defisit akaun semasa yang besar dan mapan selain dari itu beberapa dasar yang diperkenalkan di atas perlu kita perkukuhkan.

Berkenaan dengan masalah dengan izin, non-performing loan pula, yang pinjam tak boleh bayar balik, dengan izin, non-performing loan menunjukkan sebanyak 8 peratus pada masa sekarang dan semakin menunjukkan peningkatan dan kita perlu serius dan berhati-hati dalam menangani masalah ini. Ini mungkin antara

sektor yang memanjangkan krisis ekonomi dan mata wang kita dan kita mesti bertindak segera untuk mengatasi isu yang penting ini. Sementara sistem kewangan kita berusaha untuk mengurangkan kredit dan pendedahan, kredit ke sektor ekonomi lain seperti perumahan kos rendah dan sederhana, perniagaan dan pelaburan yang boleh berdiri dengan sendiri dan aktiviti yang produktif bolehlah kita teruskan. Mungkin untuk memberi kredit kepada sektor-sektor tersebut, sektor perbankan memerlukan sokongan aset yang lebih kukuh lagi untuk kita memberi pinjaman. Dari segi kadar faedah pula kaedah yang ada sekarang telah cukup tinggi, biar apa pun yang dikatakan oleh IMF berdasarkan standard yang mereka ada kita perlu lakukan yang terbaik mengikut keperluan negara kita, dan kita mesti secara beransur-ansur menurunkan kadar pinjaman terutamanya kepada industri yang boleh menghasilkan tukaran wang asing. Dan kepada mereka yang mahu mencari pengganti kepada barangan import, ini boleh menyelamatkan pertukaran mata wang kita.

Bidang seperti perkilangan, perumahan kos rendah dan sederhana, pelancongan, projek infrastruktur yang penting yang mana kadar faedahnya rendah boleh membantu memulihkan ekonomi dan peluang pekerjaan dengan lebih cepat dan pantas.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kita membantu syarikat-syarikat strategik yang bermasalah, perkara ini perlu dikendalikan dengan berhati-hati. Pada masa sekarang terdapat banyak syarikat penting dan strategik yang bermasalah yang memerlukan bantuan namun bantuan yang hendak dilakukan hendaklah dilakukan dengan selective, dengan izin, dengan cara memilih dan dengan penuh ketulusan untuk mengelakkan lagi kehilangan kepercayaan asing kepada negara dan pasaran saham yang kita kena wujudkan. Walaupun kita perlu membantu syarikat penting yang bermasalah namun ianya harus bertujuan untuk menyelamatkan syarikat ahli-ahli korporat yang bertanggungjawab untuk menguruskan syarikat tetapi yang gagal harus di bankrapkan tidak boleh kita tolong lagi, bailing out, dengan izin terhadap tokoh-tokoh korporat yang telah

merosakkan syarikat tidak harus digalakkan. Jika ini berlaku mereka tidak akan dapat sebarang pengajaran yang telah pun mereka alami, dan kita tidak seharusnya keliru dengan konsep menyelamatkan syarikat yang baik dengan konsep menyelamatkan CEO, dengan izin ataupun pemegang saham syarikat yang tidak cekap.

Sebagai contoh cuba kita lihat kes syarikat Barings dulu. Tuan Yang di-Pertua, ingatkan masa itu, syarikat Barings di United Kingdom ianya telah menjadi muflis, dengan izin, bankrap akibat tindakan perdagangan Leason di Singapura. Apabila ia melampaui keupayaannya di dalam perniagaan derivatif Kerajaan British pula jika mereka mahu, boleh menyelamatkan syarikat dan anak syarikat Barings tetapi, ia tidak melakukannya. Malah ia membantu sebuah syarikat asing – syarikat Belanda untuk mengambil alih membubarkan anak syarikat Barings dan membiarkan Leason dipenjarakan. Datuk Ibrahim pun saya rasa ingat perkara ini, kalau dia selalu membaca.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan kes syarikat Crysler di Amerika Syarikat beberapa tahun yang lalu di mana Ketua Eksekutifnya telah dipecat melalui pengstrukturian besar-besaran ke atas syarikat tersebut. Biarpun begitu sebelum bail-out dilakukan ianya telah dibahaskan, didebatkan secara terbuka oleh Kongres dan juga rakyat Amerika. Terdapat beberapa pengajaran yang baik mengenai bail-out ini dan mungkin kita boleh mempelajari sesuatu dari peristiwa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kita kena bahas betul-betul berkenaan ekonomi dalam Dewan yang mulia ini, supaya kita memahami dan membantu kerajaan. Walaupun begitu perkataan bail-out telah menjadi satu tema atau satu perkataan yang boleh merosakan keadaan sekarang, menolong syarikat yang strategik dan baik tidak harus dikelirukan dengan perkataan bail-out. Ini kita semua mesti faham.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada pihak media massa yang tidak berapa mendengar Dewan Negara, difikirkan Dewan Negara tidak ada apa

hendak disumbangkan seperti mana yang dikatakan oleh seorang Ahli Parlimen di Dewan Rakyat, saya sudah berpeluh Tuan Yang di-Pertua, tak menyumbang lagi, ni. Boleh bercakap tiga jam sekarang ni, fasal berkenaan dengan ekonomi tetapi pemberita tidak ada. Inilah, masalah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada pihak media massa, Ahli-ahli NGO dan juga rakyat Malaysia untuk menggunakan perkataan itu dengan lebih berhati-hati perkataan bail-out ini. Jangan terpengaruh. Tuan Yang di-Pertua, sebelah saya, ini hendak bertanya. Kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan saya duduk sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak minta, Yang Berhormat Dato' Zuki, boleh tak beliau memberi butir-butir syarikats-syarikat yang dianggap tidak boleh ditolong oleh kerajaan sekarang. Sebab kenyataan Yang Berhormat Dato' Zuki, ini terlalu umum kerana setahu saya syarikat-syarikat Malaysia ini bermasalah sekarang apabila Ringgit kita diserang dan semua syarikat rugi secara serentak. Tidak ada saya dengar satu syarikat yang menghadapi masalah sebelum Ringgit kita diserang. Jadi masalah bail-out atau tidak saya tidak kisah sangat Yang Berhormat Dato', yang penting ialah syarikat-syarikat di Malaysia ini yang perlu dibantu kita boleh bantu, cuma apa yang kita susah sangat dengan soal perkataan ini, bail-outkah, tolongkah, ini saya tidak kisah sangat. Ini kita yang pengaruh dengan istilah-istilah luar ini buat apa, yang penting bagaimana kerajaan yang bertanggungjawab mengurus ekonomi negara ini kerana kumpulan ahli perniagaan juga sebahagian daripada masyarakat kita. Jadi, bolehkah Yang Berhormat jelaskan, jangan marah.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, biasanya pertanyaan ini dilakukan kepada satu ruangan sahaja, ia tidak mengikut pada mula. Pada mulanya apabila saya membahaskan berkenaan ekonomi tadi, Datuk Ibrahim fikiran dia ke lain. Apabila sampai bail-out, dia teringat sedikit yang apa saya tengah ucapkah dia tanya pasal bail-out. Memang saya faham Tuan Yang di-Pertua,

saya tidak hendak membesar-besarkan fasal bail-out ini, tidak ada maknanya dan yang pentingnya bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini. Masalah syarikat-syarikat ini tak payah saya hendak kata satu persatu. Sama-sama kita tunggu surat khabar. Kalau Dato' Ibrahim beli surat khabar, tahulah. Jadi kemungkinan dalam seminggu dua minggu ini satu, dua lagi tersiar. Ianya ibarat masa ini, Tuan Yang di-Pertua, ibarat semasa air tidak ada ini, kita kena memungkah air, macam saya ini memang sudah biasa memungkah air, dulu semasa di kampung. Jadi, maknanya tahan lasak tapi kalau macam Yang Berhormat sahabat saya Datuk Ibrahim, dia kena memungkah air dalam keadaan ini tidak tahan. Kalau ketahanan itu sudah ada dulu ya, kita selalu buat exercise, selalu berjalan, selalu mengangkut air, berapa kali kita kena naik tangga ke tingkat 10 itu pun kita boleh. Tapi kalau kita kena, kita tidak ada ketahanan ya, bermaknanya tidak ada kewangan, modal kita tidak cukup tapi banyak pinjaman, modal 50 pinjam 50 misalannya. Bermakna ada 50 pinjam 50 tak patut. Jadi ini masalah yang timbulnya. Kalau syarikat itu kuat tahan lasak kita tidak ada beri masalah. Saya tidak hendak sebut, syarikat-syarikat yang masih banyak duitnya cash flownya bagus, duitnya banyak masih boleh berjalan dua tahun lagi dan keadaan ekonomi macam ini dia pun boleh berjalan juga, saya tak hendak sebut. Sebabnya, saya takut nanti Dato' Ibrahim hendak jadi ahli kongsi pula.

Datuk Haji Ibrahim bin Ai: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Zuki, apakah beliau sedar ada perbezaan di antara syarikat dengan tokoh korporat yang mengendalikan syarikat berkenaan. Kalau syarikat berkenaan bermasalah atas apa jua sekali pun, ataupun termasuklah perbuatan mereka yang memimpin syarikat itu. Jadi orang yang memimpin syarikat itu, individu itu boleh diketepikan kalau dia menyeleweng boleh diambil tindakan, Badan Pencegah Rasuah boleh menyiasat, tetapi walaupun individu itu bermasalah dalam syarikat itu mesti digulung sekali maksud saya seperti contoh Perwaja. Dulu ada masalah, sehingga tokoh yang memimpin Perwaja tersingkir dan disiasat oleh PBR. Tapi Perwaja selamat juga. Saya menyatakan demikian sebab

syarikat-syarikat yang besar ini menampung pekerja-pekerja yang begitu ramai, yang bergantung nafkah hidup dan menjadi sumber ekonomi negara yang boleh bayar cukai kepada negara, apakah tidak boleh kita menyelamatkan syarikat dalam masa yang sama kalau ada individu yang menyeleweng maka mereka ini diambil tindakan mengikut proses yang ada, yang ini saya harap kita tidak keliru.

Dato' Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya hendak teruskan ucapan saya, sebab kalau saya biarkan Datuk Ibrahim nanti dia berbahas pula menggantikan saya. Jadi, *[ketawa]* dan masa pun telah suntuk.

Tuan Yim Chee Chong: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Mahu apa.

Tuan Yim Chee Chong: Minta laluan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ucapan Dato' Zuki amat menarik perhatian saya di dalam Dewan yang mulia ini tetapi saya tidak setuju tentang ucapan Dato' Zuki tadi yang mengatakan yang pemberita tidak ada. Sekurang-kurangnya mempunyai seorang pemberita, tak boleh kata pemberita tidak ada. Ada cuma seorang sahaja, kita harap surat-surat khabar akan hantar pemberita-pemberitanya di dalam sidang Dewan Negara oleh kerana sumbangan Dewan Negara kepada negara kita ini adalah sangat penting. Saya menyeru kepada akhbar-akhbar tempatan supaya menghantar pemberita-pemberita dalam sidang Dewan Negara, sekian terima kasih.

Dato' Mohd Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. saya sebut pemberita-pemberita. Jadi saya pun tak tahu pemberita ada seorang di sana. Pemberita-pemberita lebih dari seorang, saya tengok seorang sahaja. Jadi, betullah saya *[Ketawa]*. Tuan Yang di-Pertua, masalah ekonomi sekarang mungkin telah memberi pengajaran kepada kita tentang dasar penswastan kita. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan di sini bahawa dasar penswastan kita telah berjaya dan pujian harus diberikan kepada Perdana Menteri kita yang telah mengilhamkannya. Namun begitu terdapat kecacatan yang menghalang kejayaan dalam dasar penswastan ini. Beberapa personaliti yang menyertai dasar penswastan ini telah gagal menilai keupayaan diri sendiri dengan mengambil

projek yang terlalu besar sehingga mereka gagal mengendalikannya. Mereka tidak merasa puas dengan kejayaan satu atau dua projek swasta mereka terus tamak dengan mengambil apa sahaja projek yang ada walau keupayaan mereka telah berkurang. Kesannya, mereka terpaksa membuat pinjaman yang berlebihan yang menyebabkan gearing berlebihan untuk syarikat swasta. Tapi, masa telah menunjukkan bahawa syarikat mempunyai gearing yang tinggi tidak boleh bertahan sewaktu perubahan ekonomi. Syarikat seperti ini hanya boleh bertahan di dalam keadaan ekonomi yang tidak mempunyai reaksi kejatuhan luar. Tetapi kita maklum, kejutan luar mengikut masa adalah sebahagian dari perkembangan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kita harus belajar bahawa seseorang itu atau sebuah syarikat yang mungkin dianggap kukuh tidak harus diberi terlalu banyak projek-projek penswastaan kecuali jika individu atau syarikat itu mempunyai keupayaan kewangan tanpa perlu membuat pinjaman berlebihan yang tidak mampu membayarnya jika berlaku satu masalah

Tuan Yang di-Pertua, asas industri di Malaysia secara realiti agak lemah berbanding pihak asing terutamanya dalam industri berteknologi tinggi. Bukan sahaja kita harus mempelbagaikan dalam teknologi tinggi. Pengeluaran nilai tambah dan barangan modal tetapi kita juga harus mempelbagaikan sektor-sektor di mana kita mempunyai potensi dan kelebihan. Agak mengalakkan, dalam beberapa minggu yang lalu terdapat publisiti dari pihak kerajaan untuk memberi lebih penekanan kepada sektor pertanian dan makanan seperti juga yang diperkatakan oleh kerajaan tadi, dalam soal jawab mulut. Ini adalah masanya, izinkan saya mencadangkan beberapa perkara berkenaan dengan industri pertanian.

Kita, kenalah mengembangkan pilihan industri Malaysia melalui pembangunan industri pertanian yang berpotensi dan industri makanan. Kita kena meningkatkan pengeluaran sesetengah barangan makanan yang membolehkan negara kita mengurangkan pertukaran mata wang melalui penurunan import. Kita kena memperluaskan eksport negara dengan pembangunan di dalam industri

makanan dan pertanian. Kita kena mengukuhkan kedudukan rizab makanan dan meningkatkannya sebagai persediaan jika berlaku krisis makanan antarabangsa secara mengejut seperti mana saya katakan 15 tahun dahulu di dalam Dewan Undangan Negeri Pahang, yang kita kena perkuatkan industri pertanian. Ini disebabkan kita takut, berlaku satu masalah satu peperangan yang tidak di sangka-sangka kita tidak ada langsung rizab makanan. Dan Pahang sudah pun mula mengadakan rizab makanannya dan ini adalah satu perkara yang kita kena ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit lagi berkenaan dengan ekonomi, dan arah haluan masa depan kita berkenaan dengan ekonomi ini bagaimana kita hendak cuba membaiki dan bagaimana kita dapat mempelajari daripada apa yang berlaku sekarang ini. Pengalaman krisis kewangan di beberapa negara Latin Amerika seperti Mexico menunjukkan bahawa keyakinan boleh dipulihkan selepas reformasi yang komprehensif kita laksanakan. Program ini umumnya termasuk reformasi ekonomi dan kewangan, dasar fiskal dan kewangan yang ketat dan dasar kadar faedah dan pertukaran yang luas. Kerajaan

kita telah pun banyak, saya tidak menafikan, banyak benar kerajaan telah membuat pembaikan berkenaan dengan kewangan kegawatan ekonomi kita sekarang ini. Saya bagi contoh apa yang kerajaan telah buat, kerajaan telah pun memberhentikan sebagaimana yang telah saya katakan pelaksanaan projek penswastaaan, kerajaan telah pun menubuhkan dana SMI sebanyak RM1 bilion ditambah RM500 juta lagi, berjumlah 1.5 bilion. Kerajaan juga menghadkan kadar pertumbuhan kredit antara 15% pada tahun 1998 dan kerajaan telah juga membuat sebuah reserve berkanun, diturunkan dari 3.5% kepada 10%. Ini adalah usaha-usaha kerajaan dan banyak lagi, tak payah saya sebutkan apa yang kerajaan telah buat, kita semua ambil maklum. Kerajaan juga telah pun membuat pemotongan perbelanjaan kerajaan sebanyak 18%, kerajaan negeri lain pula potongannya, ada yang memotong sampai 21%, untuk pengurusan 17% dan yang lainnya untuk pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, krisis ini menunjukkan peri pentingnya rangka dasar makroekonomi yang kukuh dan kestabilan deposit akaun semasa yang besar dan tidak mampan iaitu dengan izin, unsustainable current account deposit, kita mesti mempunyai current account deposit yang besar. Langkah mengukuhkanimbangan pembayaran dan mengurangkan deposit akaun semasa, projek penswastaan besar ini apa yang kita patut pandang pada masa hadapan yang dijalankan secara agresif mengundang kemasukan dana luar termasuk dana jangka pendek dan pengimportan peralatan binaan yang menyumbangkan kepada pengheretan akaun semasa. Oleh itu jurang tabungan pelaburan harus diuruskan dengan baik, galakan tabungan umpamanya dari penabungan kecil harus kita manfaatkan melalui institusi tabungan seperti Bank Simpanan Nasional dan koperasi, manakala peningkatan mendadak hutang sektor swasta yang meliputi 169% daripada KDNK pada tahun 1997 harus kita kurangkan. Dasar mengurangkan deposit akaun semasa bukan merupakan dasar yang dilaksanakan untuk sementara waktu, ketika kegawatan ekonomi sahaja tetapi harus berterusan terutamanya dengan memperkenalkan matlamat peratusan tertentu nisbah akaun semasa terhadap KNK.

Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk kita mengukuhkan dasar fiskal pula, iaitu dasar pemotongan perbelanjaan kerajaan pula tidak harus dilakukan secara across-the-board, dengan izin, pukul rata, kerana golongan miskin yang terjejas akibat inflasi tidak harus didendakan. Oleh itu peruntukan perbelanjaan untuk golongan ini tidak patut dikurangkan dan saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah pun menumpukan terhadap tidak mengurangkan perbelanjaan untuk kaum miskin. Sebagai tambahan dana kumpulan sukarela ataupun, dengan izin, voluntary group dan charity seperti Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia atau Baitulmal boleh kita manfaatkan untuk golongan ini dengan menyediakan dana untuk perusahaan kecil seperti peruncitan pasar malam, kedai runcit, industri kampung perlu diperluaskan. Dasar pemotongan perbelanjaan kerajaan juga boleh digunakan untuk mewujudkan surplus yang boleh digunakan

untuk melonggarkan mudah tunai pasaran dan seterusnya menurunkan kadar faedah yang dipotong oleh kerajaan 18% itu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kadar faedah yang tinggi antara 12% ke-16% sekarang ini perlu kita kurangkan untuk mengelakkan peningkatan peruntukan hutang lapuk. Kalau kita tinggikan lagi faedahnya, ramai yang tidak boleh membayar hutang termasuklah faedahnya yang akan menggugat kestabilan sistem perbankan. Dalam hal ini pendekatan lain perlu diambil untuk mempergiatkan sistem perbankan tanpa faedah. Peningkatan kadar faedah berkemungkinan juga akan menyebabkan kesan disintermediation, dengan izin, iaitu kita tidak meminjam duit dari bank secara formal, contohnya pinjaman melalui pajak gadai dan ceti. Ini boleh menjejaskan keberkesanan dasar mengawal pertumbuhan kredit, sebab ini kita tidak tahu, yang pinjam di luar, yang pinjam dari ceti, yang gadai barang emas dan pinjam duit dari pajak gadai. Kestabilan sebagai sistem perbankan disebabkan kelemahan kawalan dalaman seperti penilaian pinjaman semasa ekonomi melambung yang longgar dan memberi pinjaman kepada individu yang terdesak yang mendedahkan lagi risiko kredit bank yang terbabit sebab kita bagi banyak sangat pinjaman, tidak mengetahui risiko dari pinjaman itu. Oleh itu pendedahan risiko kredit individu dan syarikat tertentu kepada sistem perbankan harus juga diambil kira. Oleh kerana isu governance-governance atau regulation, deregulation dalam sesuatu syarikat dan perbankan, juga menyumbang kepada krisis sekarang, maka refomasi kewangan perlu dirangka untuk memperbaiki kecekapan pasaran dan meredakan hubungan baik antara peniagaan dan kerajaan.

Sebahagian daripada peningkatan mendadak sistem perbankan adalah akibat daripada pinjaman pembelian saham dan unit amanah yang banyak sangat pinjaman dibuat tempoh yang lalu. Usaha harus dilakukan untuk meningkatkan keupayaan menjana amaun dana amanah yang sedia ada dan sikap mengendalikan dan mewujudkan amanah saham ANGKASA misalannya seperti mana yang telah dibuat oleh Wanita UMNO misalnya, Amanah Saham Wanita (Asnita) yang baru dilancarkan dan Amanah Saham Guru dan ini dijangka dapat meningkatkan

bahagian pemilikan unit amanah yang ada sekarang iaitu sebanyak 9% sahaja. Dengan adanya Amanah Saham Wanita, ASB dan sebagainya dapat menambahkan lagi pemilikan saham.

Pemilikan unit amanah dan saham ini tidak harus disandarkan kepada pinjaman bank. Kalau kita hendak membeli saham seperti Asnita, kaum-kaun wanita jangan pinjam duit bank pula untuk membeli saham ini tetapi dijanakan dari tabungan sendiri, kalau ada atau pencairan harta tidak mudah alih dan tidak mudah cair, misalannya seperti emas. Maknanya janganlah kita pinjam duit bank untuk membeli saham amanah. Bak kata Perdana Menteri kita dulu, kita kena gunakan duit yang ada dalam simpanan kita, janganlah disimpan di bawah bantal. Kita gerakkan duit di bawah bantal, gunakan untuk membeli unit amanah ini. Proses mengukuhkan sistem perbankan melalui penggabungan tidak semestinya dilihat sebagai salah satu alternatif kerana tidak semestinya too big to fail, dengan izin, seperti yang berlaku kepada BBMB dahulu iaitu dalam tahun 1985-1987. Maka dalam hal ini ujian ketahanan Bank Negara melalui 'modal unta' ataupun camel, iaitu capital, asset, management earning dan liability perlu dikemaskinikan terutamanya dari segi on and off site examinations. Refomasi kewangan termasuk kawalselia dan peraturan yang kukuh perlu diamalkan di dalam sistem perbankan. Kaedah kawal selia dan peraturan yang diperkenalkan oleh Basle Committee, Basle Committee ini adalah satu committee yang ditubuhkan oleh G7 termasuk tiga buah lagi negara menjadi G10, sekarang ini G11 termasuk Russia. Tiga buah negara lagi itu termasuklah Luxemburge, Switzerland dan Belgium di mana mereka ada committee sendiri untuk mengawal selia bank-bank di seluruh dunia ini. Jadi committee ini mengawal selia dari segi kedudukan bank di seluruh dunia, ini termasuk pendedahan bank di negara kita ini kepada Bank Pesisiran Pantai Labuan. Kita tahu kita ada Bank Pesisiran Pantai Labuan di mana local bank kita pun ada masuk, iaitu bank yang mempunyai saham RM1 bilion ke atas termasuk dalam tear-1, dengan izin, iaitu 4 ataupun 5 bank dan selainnya adalah bank-bank international yang masuk yang mengendalikan wangnya selain daripada wang

Malaysia. Jadi bank kita pun ada di Bank Pesisiran Pantai Labuan dan ini ada dikawal selia oleh Basle Committee tadi. Semua langkah tersebut akan menyokong objektif jangka panjang untuk melepasi krisis kewangan sekarang dan membolehkan negara berupaya memulih pertumbuhan ekonomi dan memperkukuhkan sistem kewangan untuk menghadapi abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, selepas ekonomi saya hendak menyentuh sedikit tentang air pula, sudah banyak saya sentuh berkenaan dengan ekonomi tadi. Ini satu tajuk yang hangat yang kita selalu baca dalam surat khabar dan kita sendiri mengalaminya berkenaan betapa susahnyanya kalau tidak ada air. Tuan Yang di-Pertua, masalah air yang melanda negara kita akhir-akhir ini merupakan suatu yang tidak dijangkakan. Ini kerana selama ini kita sentiasa mempunyai sumber air yang mencukupi. Ia merupakan satu fenomena baru yang melanda negara ini. Walaupun ia tidak dirasai oleh kebanyakan negeri, seperti Pahang tidak rasa, Johor pun tidak rasa dan adalah negeri-negeri lain yang saya tidak menjelajah tetapi yang saya tahu Pahang dan Johor tidak ada masalah air, tetapi air tetap menjadi satu permasalahan nasional, ini telah pun menjadi satu masalah negara. Ini kerana ia melibatkan pusat Bandaraya Kuala Lumpur dan berjuta manusia yang tinggal di bandaraya kita ini dan beberapa bandar besar yang lain, misalannya Kota Bharu, dan Alor Setar. Masalah ini juga agak kritikal kepada petani kita terutama di sebelah utara termasuk negeri Siam dan Kelantan pun ada masalah. Kedah pun ada masalah. Kelantan air bawah tanah, tetapi alhamdulillah kadang-kadang dibuatkan doa penduduk-penduduk di sebelah Kelantan, buat sembahyang hajat dan sebagainya, air hujan pun turun.

Walau bagaimanapun krisis air juga memberi masalah kepada industri elektronik, ini yang saya nak tekankan sedikit, kerana industri elektronik ini amat bergantung kepada sumber air yang berterusan untuk meneruskan dan mengekalkan tahap operasinya. Industri elektronik dan elektrik menyumbang RM11.6 bilion atau 51.4% daripada jumlah eksport Malaysia yang bernilai RM22.7 bilion dalam bulan Januari 1998. Dalam masa yang sama, Malaysia

mengimport barangan sebanyak RM20 bilion, oleh itu jika nilai eksport menurun akaun semasa akan menunjukkan defisit, satu aspek yang penting dalam krisis ekonomi yang akan menyukarkan usaha kita untuk keluar dari masalah ini. Disebabkan air tadi, ia berkaitan dengan ekonomi.

Menurut analisis, syarikat elektronik akan menghadapi masalah yang besar jika bekalan air terganggu terutama kepada syarikat asing yang memiliki kilang seperti kilang industri wafer - kilang kertas nipis untuk membuat komputer dan sebagainya, jika ini berlaku mereka akan menghadapi kesulitan yang amat ketara sekali.

Secara umumnya ini tidak sepatutnya berlaku. Ini kerana kita mempunyai banyak kawasan tadahan air yang boleh menampung kuantiti air yang banyak, tambahan pula Malaysia adalah sebuah negara yang beriklim khatulistiwa di mana ia menerima hujan sepanjang tahun.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita tidak dapat mengelak terjadinya malapetaka El-Nino, tetapi itu tidak bermakna kita harus terus menyalahkan faktor ini. Kita seharusnya telah bersedia, bak kata pepatah Melayu, sediakan payung sebelum hujan. Tetapi apabila ianya terjadi, barulah kita mula mengambil tindakan, sedangkan perkara ini telah dijangkakan sejak beberapa tahun yang lalu. Kini paras air misalannya di kawasan tadahan juga semakin berkurangan, sebagai contoh, ini maklumat mutakhir yang saya dapat sebagai contoh, paras air di Empangan Semenyih telah menurun kepada 99.74 meter, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat baca surat khabar hari ini, catatan ini ada dalam surat khabar, saya dapat masukkan pada pagi ini berbanding paras maksimumnya iaitu 111 meter, ia semakin menghampiri paras kritikal iaitu 95.60 meter. Begitu juga dengan empangan yang lain seperti Empangan Klang Gates - 90.46 meter dan Empangan Langat turun daripada 206.06 meter dan paras kritikalnya ialah 204.2 meter, sudah dekat sangat untuk menjadi kritikal.

Kita bimbang jika perkara ini berlaku berlarutan, maka rakyat akan menghadapi masalah, sekarang ini pun rakyat menghadapi masalah. Buat masa ini

kita lihat rakyat kita masih lagi boleh bertahan dengan catuan air yang dikenakan tetapi jika paras air di empangan terus menurun, kita bimbang catuan yang telah pun lama kita lakukan terpaksa terus dilakukan dan ini akan menambah masalah kepada penduduk, misalannya di Seksyen 5 Petaling Jaya, penduduk-penduduk di kawasan itu telah mulai meluahkan perasaan marah dalam surat khabar. Ada yang meninggal di Union Garden yang saya dengar disebabkan letih memungkah air sehingga dia meninggal dan ada juga yang mendapat tekanan mental sekarang ini. Banyak yang saya dengar, saya tanya doktor banyak yang pergi ke hospital, tekanan mental ini kalau enam hari tak mandi, rasa saya kita kena tekanan mental. Jadi, banyak lagi masalah, ada yang beratur berkelahi, yang cuba ambil air lebih sedikit yang lain marah. Ini berlaku, kalau tidak ada air, biar tidak ada api, biar tidak ada tilam, biar tidak ada makanan, sangat penting air ada.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi masalah, saya tak payah sebutlah, nanti Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim tanya pula, apa lagi masalahnya yang timbul, dia sendiri yang tahu, sebab itu dia selalu keluar masuk kerana terasa panas sangat, sebab saya pun terasa panas.

Kebimbangan ketiadaan air sewaktu Sukan Komanwel satu masalah lagi, tetapi saya rasa ini tidak perlu dibimbangkan sangat kerana kita sentiasa boleh lepaskan air yang ada itu untuk menyokong Sukan Komanwel kita bagi tetamu yang datang dan juga para peserta, tetapi apa yang lebih penting ialah bekalan air bersih dalam jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dikejutkan dengan aktiviti pembalakan misalannya berhampiran kawasan tadahan. Ini telah didedahkan oleh akhbar tempatan. Apa yang pasti kita merasa pelik bagaimana aktiviti pembalakan itu mendapat kelulusan, adakah ianya pembalakan secara haram atau pembalakan yang sah, kita pun tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, kita maklum kerajaan telah mengadakan beberapa zon penampan berhampiran kawasan tadahan. Sebagai sebuah kawasan tadahan yang sensitif tiada sebarang aktiviti pembalakan atau pembangunan yang boleh

dilakukan di dalam lingkungan sepuluh kilometer dari kawasan tadahan, namun baru-baru ini aktiviti pembalakan telah dikesan dilakukan dari jarak 3.5 kilometer, dan apa yang lebih memeranjatkan pegawai yang bertanggungjawab untuk menjaga hutan itu sendiri tidak mengetahui wujudnya zon penampungan. Walaupun kita menghadapi cuaca panas pada waktu ini akibat angin El Nino, namun hujan masih lagi turun terutamanya di Lembah Kelang tetapi air hujan yang turun tidak dapat mengalir ke kawasan tadahan akibat aktiviti pembalakan. Semalam hujan turun selama tiga jam dan saya rasa kalau seminggu sekalipun turun hujan di Kuala Lumpur ini air masih tidak ada.

Kita tidak seharusnya mengharapkan hujan turun ke kawasan tadahan, tetapi kita memerlukan mekanisme yang boleh membawa air ke kawasan tadahan. Kita harap kerajaan bertindak tegas terhadap golongan yang cuai dan tidak prihatin sehingga menimbulkan masalah kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, banyak air hujan yang turun di negara ini, namun hanya peratusan kecil sahaja yang digunakan untuk kegunaan yang produktif, air hujan yang turun pun dibiarkan mengalir dan terbuang begitu sahaja. Baru-baru ini terdapat pula cadangan untuk merekabentuk rumah yang boleh menampung air hujan dan seterusnya disalurkan ke tangki-tangki air, cadangan ini amat baik dan harus difikirkan secara serius, tetapi saya harap cadangan ini tidaklah satu cadangan dengan izin, *ad hoc* di samping kita hendaklah memikirkan alternatif yang lain dalam menggunakan sebaik-baiknya sumber air hujan yang turun.

Sesungguhnya krisis air yang melanda negara harus dijadikan pengajaran yang berguna kepada kita untuk mengamalkan sikap berjimat-cermat dalam apa jua perkara yang kita ada, kerana kita maklum, perbuatan membazir adalah sikap syaitan dan jika kita tidak bersyukur dengan apa yang kita ada, nescaya Allah S.W.T. akan menarik balik apa yang kita ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berucap sedikit berkenaan dengan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menikmati keamanan dan kemakmuran, kita seharusnya tidak lupa dengan pengorbanan yang dilakukan oleh pasukan keselamatan kita termasuklah pasukan polis dan tentera.

Saya ingin menyentuh sedikit peranan yang dimainkan oleh anggota polis kita. Di Dewan yang mulia ini, saya berkata, kita mempunyai satu pasukan Polis Diraja yang terbaik di dunia, dengan izin, we have one of the best police force in the world. Mereka telah banyak berkorban terutamanya dalam membanteras jenayah di dalam negara. Dalam menjalankan tugas yang merbahaya ini, ada kalanya keselamatan anggota polis berada dalam keadaan merbahaya. Ini kerana para penjenayah sentiasa melakukan jenayah dengan senjata yang merbahaya.

Dalam keadaan yang merbahaya, ada kalanya pihak polis terpaksa mengambil keputusan untuk menembak penjenayah, untuk menjamin keselamatan orang awam serta keselamatan sendiri. Kita harus maklum bahawa penjenayah yang ditembak adalah bersenjata dan merbahaya, adakah kita harus menanti sehingga ada orang awam atau pasukan keselamatan ataupun polis ditembak terlebih dahulu sebelum kita mengambil tindakan. Saya ingin tanyakan soalan itu. Jawabnya, sudah tentu tidak!

Tuan Yang di-Pertua, pihak polis dalam keadaan apa cara sekalipun akan cuba sedaya upaya untuk menangkap dan melumpuhkan penjenayah terlebih dahulu sebelum menggunakan senjata api. Mereka dilatih untuk bertindak sedemikian. Pihak polis hanya boleh melepaskan tembakan di dalam situasi, dengan izin, saya rasa patut kerajaan yang memberi jawapan ini, tetapi tidak apalah, saya hendak beri jawapan dalam Dewan yang mulia ini:

- (i) apabila penjenayah bersenjata;
- (ii) tindakan penjenayah akan menggugat keselamatan diri dan orang awam;
- (iii) untuk melindungi orang ramai daripada dijadikan tebusan oleh penjenayah.

Pihak polis juga mengambil kira peraturan hak mempertahankan diri terhadap dirinya sendiri dan orang awam apabila tindakan sedemikian sejajar dengan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 99 dan 100 Kanun Keseksaan. Di sini saya amat bersimpati dengan anggota polis, kerana telah dituduh sebagai suka melepaskan tembakan sesuka hati, dengan izin, trigger happy. Sebenarnya tuduhan itu lebih sesuai diberi kepada penjenayah. Mereka adalah golongan yang kejam dan kebanyakan yang mati ditembak adalah terdiri daripada penjenayah-penjenayah dari kategori, dengan izin, hard core.

Saya ingin menarik perhatian bahawa semenjak tahun 1993, sejumlah 9 orang pegawai polis, 18 pengawal keselamatan dan 295 orang awam telah ditembak mati oleh penjenayah yang membawa bilangan sebanyak 322 orang, sementara penjenayah pula yang ditembak mati dalam tempoh yang sama ialah sebanyak 380 orang di mana 173 orang adalah warganegara asing. Jika kita lihat bilangan penjenayah yang ditembak mati tidak jauh beza dengan kematian mereka yang tidak berdosa, disebabkan oleh para penjenayah.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kita sedar polis yang telah pun meninggal dunia ini, mereka mempunyai isteri, mereka mempunyai anak-anak, siapa yang hendak menyara anak-anak mereka ini? Baik, kerajaan akan memberi pampasan, memberi pertolongan dan sebagai tetapi berapa lama boleh tahan dan adakah pertubuhan hak asasi manusia memikirkan perkara ini, yang telah mati, adakah mereka mengatakan, ha, yang mati ini kita akan beri peruntukan! - tidak ada! Jadi, inilah masalah yang dihadapi oleh pihak polis dan saya sekali lagi berasa bersimpati dengan apa yang dilakukan oleh polis dan saya harap pihak polis teruskanlah usaha yang murni dan baik untuk mempertahankan negara kita dari diserang oleh penjahat-penjahat dan penjenayah-penjenayah yang tidak bertanggungjawab itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut sedikit berkenaan dengan NGO.

Tuan Yang di-Pertua, badan bukan kerajaan (NGO) telah ditubuhkan untuk tujuan yang murni iaitu bertindak sebagai satu mekanisme check and balance,

dengan izin, ke atas aktiviti-aktiviti kerajaan, namun di akhir-akhir ini, kita melihat peranan segelintir NGO telah memberi kesan yang buruk kepada imej negara dan kepada NGO yang lain. Contohnya, baru-baru ini kita telah didedahkan bagaimana ahli NGO telah memberi maklumat palsu kepada media asing iaitu media *The Observer* dan *The Independence* di London, kononnya pihak berkuasa telah memberi racun, pihak berkuasa telah membunuh pendatang-pendatang dari Indonesia, baru hari ini Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita telah menyatakan akan menghantar sebahagian daripada wang pertolongan iaitu RM1 bilion yang dijanjikan untuk dihantar ke Indonesia untuk membantu negara itu. Ini menunjukkan apa? Ini menunjukkan betapa baiknya negara kita membantu jiran yang susah dan ada pula yang berkata bahawa kita hendak memberi racun kepada pendatang-pendatang asing, hendak memberi racun itu yang pertama, lepas beri racun bunuh pula, tak pernah didengar di dalam dunia ini khususnya Malaysia, negara yang mana rakyatnya amat bersimpati kepada negara-negara lain. Rakyatnya tinggal dalam aman dan damai dan selalu suka membantu orang-orang yang sedang dalam kesusahan.

Tindakan segelintir NGO ini tidak sepatutnya dibiarkan kerana ia akan memberi imej yang buruk kepada negara. Kemungkinan mereka dipengaruhi oleh NGO dari negara asing. Saya merayu agar kerajaan mengambil tindakan yang tegas, seperti menggantungkan pendaftaran NGO yang bersalah dengan, dengan izin, Registrar of Societies (ROS) tanpa tindakan yang tegas, ahli-ahli NGO yang sentiasa tidak berpuas hati dengan tindakan kerajaan akan menyebarkan maklumat palsu dan negatif berkenaan dengan negara kita.

Sebaliknya, saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada NGO yang ramai termasuk ahli-ahlinya NGO wanitanya sekalipun telah pun membuat banyak kebaikan kepada negara. Kita bukan bermaksud untuk menghalang kebebasan bersuara, tetapi apalah makna kebebasan jika akhir-akhirnya negara mengalami masalah. Kita sentiasa dikecam oleh media asing, tetapi kecaman yang berpunca dari rakyat kita sendiri tanpa sebarang asas tidak boleh diterima langsung. Kita

mahu NGO menjadi sebuah badan bukan kerajaan yang bertindak dengan penuh tanggungjawab dalam memastikan negara terus maju dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh berkenaan dengan kependidikan. Pendidikan ini adalah satu tajuk yang amat luas, oleh itu saya tidak hendak membahaskan panjang berkenaan dengan pendidikan sebab saya tahu Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain akan menyentuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, di masa ini kerajaan patut diberi tahniah kerana cuba menyelamatkan perbelanjaan pendidikan di luar negara dan meningkatkan peluang pendidikan di dalam negara, tetapi kita tidak harus lupa masih terdapat ramai pelajar kita yang pergi belajar tanpa biasiswa kerajaan. Mereka tiba-tiba terperangkap dengan peningkatan kos pembelajaran dan lain-lain perbelanjaan di luar negara akibat dari kejatuhan mata wang kita. Ramai dari pelajar kita ini mungkin tidak sempat untuk menamatkan pengajian mereka. Untuk pelajar-pelajar yang malang ini, mereka mendapat simpati kita, tetapi simpati semata-mata tidak dapat membantu mereka.

Saya berpendapat bagi mereka yang layak tidak kira apa bangsa pun dan kini mengikuti pengajian kejuruteraan, teknikal dan bidang-bidang yang diperlukan oleh negara, kerajaan harus berbuat sesuatu untuk membantu mereka.

Izinkan saya mencadangkan agar kerajaan menubuhkan dana pinjaman pelajaran, dana 'contingency' untuk membantu pelajar menghadapi masalah kewangan mereka. Pinjaman ini boleh digunakan untuk membiayai sebahagian perbelanjaan mereka terutamanya untuk membayar yuran pengajian. Untuk mereka yang belajar di USA dan di UK, dengan izin, kadar faedah sebanyak 4% ataupun 6% patut dikenakan dan semua pelajar yang dibantu wajib berkhidmat dengan negara selama tiga ke lima tahun bergantung kepada nilai pinjaman yang diberi itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua perkara lagi yang saya hendak sentuh iaitu Sukom dan alam sekitar. Tetapi ia akan mengambil masa yang panjang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh berkenaan dengan Sukom sedikit.

Kita berasa bangga kerana kita akan menganjurkan antara sukan yang terbesar di dunia iaitu Sukan Komanwel Ke-XVI yang akan berlangsung pada 11 hingga 21 September 1998.

Sukan Komanwel XVI yang akan kita anjurkan merupakan yang pertama kali dianjurkan di Asia dan ia juga Sukan Komanwel terakhir dalam abad yang ke-20 ini. Penghormatan yang diberi kepada kita untuk menganjurkan sukan terbesar ini akan menguji ketahanan dan keupayaan rakyat kita dalam mengendalikannya. Kita rasa kagum dan bangga dengan sukarelawan kita yang akan memberi khidmat sukarela dalam menjayakan Sukan Komanwel.

Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan seramai 50,000 orang tenaga sukarelawan telah pun memohon dan seramai 20,000 orang telah pun dipilih tetapi cuma seramai 12,000 orang tenaga sukarelawan yang akan digunakan sepanjang sukan itu. Kita difahamkan bahawa mereka telah cukup dilatih baik dari segi fizikal dan mentalnya, dan kita mengharapkan mereka akan menjalankan tugas yang telah diamanahkan dengan penuh tanggungjawab agar sukan yang kita anjurkan ini berjaya dengan penuh gilang-gemilang.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, kita mengharapkan agar rakyat Malaysia akan menyokong sukan ini dengan datang beramai-ramai menyaksikan pertandingan-pertandingan yang akan dilangsungkan. Untuk itu juga, kita harus memastikan sistem pengangkutan dapat berfungsi dengan baik serta maklumat yang mencukupi berkenaan tiket dan jadual pertandingan.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan dalam menganjurkan sukan ini akan memberi imej yang tinggi kepada rakyat dan negara kita. Di sebalik tohmahan serta propaganda yang dilakukan oleh media asing ke atas kita, kita harus membuktikan bahawa kita mampu melaksanakan dengan cara yang terbaik. Rakyat kita harus menunjukkan sikap dan budi bahasa serta disiplin yang tinggi semasa

pertandingan nanti khususnya, namun kita mengharapkan ianya akan berterusan walaupun selepas pertandingan juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun memotong sedikit ucapan saya kerana melihatkan masa telah pun berlalu.

Berkenaan dengan alam sekitar, apa yang kita bimbangkan ialah keadaan alam sekitar yang semakin hari semakin tercemar dan merosot disebabkan oleh pengurusan sumber asli dan pengawalan ekologi yang ternyata masih berkurangan dan jauh dari sempurna. Kalau kegawatan ekonomi yang disebabkan oleh kejatuhan Ringgit adalah sukar dikawal dan ditangani, kegawatan ekologi dan alam sekitar adalah satu perkara yang sebenarnya dalam kawalan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sumber hutan hujan tropika yang terdapat di dalam negara ini adalah anugerah Allah S.W.T. yang paling istimewa dan mahal, ia telah mendatangkan banyak rahmat dan kesejahteraan kepada ekonomi negara. Hutan hujan tropika jugalah yang akan memberi satu identiti kepada negara kita Malaysia sebagai negara yang hijau, permai dan destinasi pelancongan yang menarik.

Selama ini kita 'dihidangkan' dengan dakwaan dan berita yang mengatakan sumber hutan di negara ini diuruskan dengan cara yang profesional berdasarkan prinsip pengurusan hutan secara berkekalan atau dengan izin, sustainable forest management (SFM). Matlamat kaedah pengurusan ini ialah untuk menguruskan sumber hutan dengan cara memastikan supaya segala barangan hasil faedah dan perkhidmatan yang dapat dihasilkan daripada suatu kawasan tadahan yang sedang diuruskan itu dapat terus mengalir untuk selama-lamanya tanpa mendatangkan kesan yang tidak diingini terhadap kebajikan alam sekitar serta aspek fizikal dan biologinya.

Pada dasarnya, konsep ini memanglah cantik dan mulia, namun kenyataannya yang sebenar masih boleh dipertikaikan, apakah Malaysia benar-benar mengamalkan pengurusan SFM sebagaimana yang kita akui selama ini? Pada saya, jawapan kepada soalan ini mungkin sangat membimbangkan. Sumber pendapatan yang tidak ternilai ini akan hilang buat selama-lamanya jika kita tidak

berhati-hati, jadi apakah yang boleh kita lakukan dalam keadaan ini. Pertamanya, dasar yang telah dimaktubkan dalam Perlembagaan hendaklah dipatuhi dengan bersungguh-sungguh.

Dalam hubungan ini, saya sukacita menyarankan supaya semua pihak berkuasa negeri mengkaji semula kaedah dan kriteria yang digunakan dalam pemberian lesen pembalakan supaya semua pihak berhati-hati. Pembalakan harus dihalang ataupun dilarang sama sekali pada paras ketinggian melebihi 2,000 kaki dari aras laut.

Kedua, pembalakan di kawasan berbukit-bukau dan bercerun-curam hendaklah diwajibkan mematuhi spesifikasi pembalakan berimpak rendah ataupun reduce impact logging yang saya percaya telah diamalkan di beberapa tempat dan dinyatakan di dalam permit. Kawal selia yang ketat dan penguatkuasaan yang bersungguh-sungguh juga perlu kita laksanakan.

Saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada Kementerian Perusahaan Utama supaya melipatgandakan usaha bagi memudahkan dan melicinkan penguatkuasa pihak kerajaan negeri dan ini berkait dengan pengurusan yang baik melalui pematuhan yang tetap, khidmat nasihat teknikal dan perundingan serta latihan dalam rangka menentukan pelaksanaan yang licin terhadap usaha-usaha murni kita ini. Ini termasuk exercise pengauditan hutan dengan cara yang tetap dan selalu dibuat, dengan izin, regular, supaya pentadbiran dan pengurusan perhutanan senentiasa wujud dalam keadaan cekap dan kemas kini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan juga bahawa Malaysia ini ada sebuah pertubuhan yang dianggotai oleh para rimbawan profesional yang dinamakan Institut Rimbawan Malaysia (IRIM). Saya hendak tahu siapakah mereka ini, di manakah mereka berada, apakah tugas dan peranan mereka, mengapa mereka berdiam diri dalam keadaan kontroversi yang berkaitan dengan perhutanan yang sedang menyelubungi negara pada masa ini. Saya mendapat tahu bahawa IRIM telah ditubuhkan dan didaftarkan sejak hampir dua dekad yang lalu, tetapi masih

gagal berfungsi dengan lancar disebabkan beberapa halangan barangkali, di antaranya ialah Perlembagaan yang masih belum diluluskan oleh Parlimen.

IRIM diharap dapat memainkan peranan sebagai, dengan izin, watchdog, kepada isu-isu perhutanan dan alam sekitar yang dibangkitkan dan menawarkan kepada jalan penyelesaian yang sebaik-baiknya bagi memandu kita ke arah pencapaian SFM yang kita cita-citakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon maaf kerana saya telah mengambil masa yang agak lama untuk membahaskan perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi, banyak isu yang telah saya nyatakan tadi telah dibahaskan di Parlimen di Dewan Rakyat baru-baru ini, namun saya berpendapat ianya perlu dibawa dan dipertingkatkan agar kita mengambil tindakan yang sewajarnya.

Walau bagaimanapun, disebabkan kesuntukan masa, saya tidak sempat menyentuh beberapa lagi isu penting yang perlu dibawa dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyebut beberapa perkara sepintas lalu seperti masalah kesesakan lalu lintas, penurunan kualiti alam sekitar seperti juga saya kaitkan dengan perhutanan tadi, masalah dadah dan masalah serantau.

Kalau saya hendak bahaskan perkara ini dengan tidak payah membaca nota pun akan mengambil masa satu jam lagi, khususnya kesesakan lalu lintas, jalan berlubang, penurunan alam sekitar, kereta berasap di sini sana, pembawa dan pemandu-pemandu minum dalam keadaan mabuk, banyak yang telah meninggal dunia disebabkan oleh pemandu memandu semasa mabuk. Masalah dadah banyak boleh diperkatakan lagi dan juga masalah serantau.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan tentang masalah serantau yang dialami oleh Indonesia. Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim jangan susah hati, masalah yang dialami oleh Indonesia ini saya pendekkan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kita bersedia dengan sebarang persediaan contingency, adakah kita bersedia dengan sebarang kesan yang mungkin ditimbulkan dari negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, banyak isu yang telah disentuh dan mungkin akan dibahaskan dan tak payahlah saya sentuh dengan lebih banyak, soalan saya tadi menimbulkan banyak jawapan, dengan lebih mendalam lagi perbahasan ini akan dibawa oleh rakan saya termasuklah sahabat saya di sebelah kanan ini yang juga mempunyai keratan akhbar dan nota-nota, saya rasa ini mahu juga mengambil masa selama tiga jam. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas perhatian terhadap perbahasan saya, di atas tekunnya Tuan Yang di-Pertua, dengan tidak langsung memotong ucapan saya, dengan tidak langsung mengambil peluang untuk memberi jalan kepada Yang Berhormat lain walaupun saya sendiri yang memberi jalan tadi kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim, selepas itu banyak yang lain yang hendak bertanya. Memang itulah keadaannya di sini, apabila kita beri peluang banyaklah sahabat kita yang berdiri untuk menyoal supaya kita lupa apa yang kita hendak cakapkan. Tetapi alhamdulillah, saya ada nota, tidaklah terlupa. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, di atas perhatian terhadap perbahasan saya ini, insya-Allah, dengan semangat yang kita ada sekarang, kita boleh membantu negara mengatasi masalah, tidak dapat tidak kita mesti pulih tetapi dengan cepat. Sekian, terima kasih, saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Dato' Chet Singh yang akan menyokong dan berucap.

5.15 ptg.

Dato' Chet Singh s/o Karam Singh: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya mohon menyokong Usul Ucapan Terima Kasih Ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

Tuan Yang di-Pertua, dengan jelas Titah Ucapan Baginda itu menerangkan keadaan negara pada masa ini dan menyenaraikan dasar-dasar pendekatan dan tindakan yang sedang dan akan diambil dalam tempoh masa yang akan datang.

Pelbagai isu telah ditimbulkan yang merupakan cabaran kepada kerajaan dan kita semua. Saya hanya ingin menyentuh sebahagian daripadanya.

Isu pertama ialah kestabilan, keamanan dan ketahanan negara. Kita bersyukur kepada Tuhan yang maha kuasa kerana di Malaysia kita terus menerus menikmati keadaan politik yang kukuh, stabil, aman dan damai. Kerajaan kita sejak merdeka lagi telah bertungkus-lumus mengamalkan dasar-dasar dan sikap yang mewujudkan keadaan yang bahagia ini. Rakyat Malaysia telah juga berhati-hati menyokong usaha-usaha ini dalam keadaan yang baik dan mencabar kerana rakyat sedar bahawa kehidupan bahagia dan makmur hanya dapat diasaskan dan dikekalkan di atas kepercayaan rakyat yang sentiasa mengamalkan sikap berwaspada terhadap kepentingan negara di kalangan rakyat.

Kita hendaklah sentiasa menentukan bahawa usaha-usaha yang bertujuan meruntuhkan kepercayaan dan keluhan rakyat serta mewujudkan perasaan 'cynical' dan negatif kepada masalah yang sedang dihadapi oleh negara tidak dibenarkan tumbuh di kalangan masyarakat kita. Yang penting sekali, ialah wujudnya secara berkesan sikap persefahaman, bertanggungjawab dan tolerant di kalangan rakyat maju di negara kita. Cara hidup kita yang aman dan makmur dari kebahagiaan kita serta anak cucu kita bergantung ke atas sikap ini.

Adalah terlalu senang untuk anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab mengacau dan menimbulkan emosi-emosi sentimen yang menyentuh perkauman serta puak keagamaan di antara masyarakat Malaysia. Masalah yang timbul secara tidak sengaja tidak boleh mengapi-apikan emosi dan sentimen ini. Sebagai kerajaan, pemimpin-pemimpin masyarakat dan agama, kita mestilah mengamalkan sikap-sikap, usaha-usaha dan aktiviti yang merapatkan masyarakat majmuk kita. Kita mesti mempraktikkan persefahaman dan perasaan saling hormat-menghormati di antara kaum, agama dan kawasan-kawasan di negara kita.

Dalam perkara ini, saya hendak mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pihak polis kita yang telah menjalankan tugas mereka secara tegas dan adil untuk membanteras kerisauan yang timbul baru-baru ini di

antara dua kumpulan agama di Pulau Pinang. Insiden ini menegaskan kepada semua bahawa kita tidak boleh memandang ringan kepada kegiatan 'vigilance' kita untuk mengukuhkan keamanan dan kestabilan dalam perhubungan masyarakat.

Saya di sini ingin mencadangkan bahawa kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri menghidupkan semula jentera-jentera majlis persefahaman, rukun tetangga, persatuan penduduk dan sebagainya. Jika perlu, kita hendaklah menubuhkan sebuah majlis inter-religion yang mengambil berat aspek-aspek ini, di bawah naungan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan di bawah Ketua Menteri atau Menteri-menteri di peringkat negeri.

Perkara yang penting ini tidak boleh diambil berat pada masa atau selepas satu-satu kerisauan atau insiden telah meletus di mana-mana. Perhatian terhadap isu-isu masyarakat ini adalah menjadi lebih penting dan jelas dalam masa kita menghadapi masalah kegawatan ekonomi dan perniagaan yang membawa pelbagai beban kepada keluarga-keluarga dan pekerja-pekerja.

Isu yang kedua ialah cabaran terhadap ekonomi negara. Rakyat Malaysia telah menikmati kemajuan dan kemakmuran selama satu dekad secara terus-menerus sehingga tahun lepas. Usaha-usaha pemimpin negara dan bidang perniagaan telah mewujudkan peluang pekerjaan yang pesat, perniagaan dan keupayaan di kalangan rakyat untuk memperolehi rumah dan harta sendiri. Dengan demikian, nama negara kita harum di kalangan dunia kerana telah berjaya menguruskan ekonomi secara bijak dan berkesan. Segalanya ini telah meletakkan rakyat dan negara dalam keadaan yang sedikit complecent terhadap kemajuan ini.

Masalah kegawatan dalam ekonomi dan kejatuhan nilai mata wang kita dan pasaran saham kita telah dengan itu menjadi satu kejutan (shock) kepada semua pihak di Malaysia. Pihak antarabangsa telah menuduh bahawa kesuntukan ini telah diakibatkan oleh kelemahan dan kesilapan pengurusan, tidak adanya transparency atau kejujuran dalam pelbagai aktiviti kita dan oleh kerana negara-negara di rantau ini telah mengamalkan projek-projek 'gergasi' yang tidak mampu dijalankan dengan sempurnanya. Tetapi pada awalnya dan sedikit sebanyak pada masa ini juga

pihak antarabangsa termasuk IMF tidak menerima hakikat yang jelas bahawa beberapa perniagaan multinasional, syarikat kewangan dan sebagainya telah participate kejatuhan ekonomi negara-negara di Asia Tenggara melalui pergerakan dan kegiatan mereka memindahkan aset-aset mereka yang agak besar melalui dengan hanya menekan kunci komputer mereka dari luar negeri.

Negara kita dalam dunia telah kehilangan hasil kemajuan yang dicapai selama lebih sepuluh tahun di dalam jangka masa yang singkat, selepas pemindahan aset syarikat-syarikat di luar negara ini. GNP, dengan izin, sedunia bersama dengan GNP negara-negara yang membangun di Asia Tenggara telah merosot sebanyak beberapa peratus. Ekonomi beberapa negara telah hampir hancur dan terpaksa mengawal pelbagai dasar dan tindakan yang amat pahit, dan yang sudah tentu akan membimbangkan rakyat. Nasib baik beberapa perbincangan peringkat antarabangsa di Bank Dunia, IMF, Eropah dan sebagainya telah mula menunjukkan sensitiviti dan penerimaan terhadap apa yang telah berlaku. Pendirian kita dapat diterima walaupun tidak sepenuhnya di forum-forum antarabangsa.

Kerajaan kita telah pada awal-awal lagi merancang dan mengamalkan pelbagai rancangan dan dasar untuk mencegah kemerosotan ekonomi negara. Tindakan-tindakan ini yang meliputi usaha menangguh perbelanjaan di atas beberapa projek besar, penjimatan budget dan sebagainya telah direstui oleh IMF dan pemimpin-pemimpin dari luar negeri.

Adalah diharapkan bahawa rakyat kita akan terus membuktikan kepercayaan mereka terhadap usaha-usaha kerajaan ini dan terus mengamalkan tindakan yang sama di syarikat-syarikat dan di peringkat keluarga-keluarga kita.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Diraja telah mengemukakan beberapa cadangan dan dasar dalam Para 10. Cadangan dan dasar itu adalah amat bijak, sudah tentunya ekonomi kita akan mula pulih jika semua pihak mengikut apa yang dicadangkan itu. Kita mestilah memperkuatkan semangat ketahanan, 'resilience'

kita dan sikap disiplin di kalangan rakyat, syarikat dan kerajaan untuk menentukan bahawa kita akan berjaya secepat mungkin.

Isu yang ketiga ialah pertumbuhan yang mampu, sustainable development. Kita hendaklah menitikberatkan konsep-konsep pertumbuhan ekonomi yang berpatutan sebagai panduan bagi semua usaha pembangunan kita. Satu definisi sustainable development yang ditawarkan oleh UN World Commission on Environment and Development (UNWCED) ialah dengan izin, “A process of change in which the exploitation of resources, the direction of investments, the orientation of technological development and institution change are all in harmony and enhance both current and future potential to meet human needs and aspiration.”

Mengikut definisi UNWCED ini dengan izin, “growth, poverty alleviation, sound environmental management and conservation of natural resources are all important objectives of society and must be considered complementary when drafting economic plans and policies.”

Pengalaman konsep pembangunan yang mantap ini memerlukan integrated action di semua peringkat dan khasnya perbincangan yang bermakna di antara kerajaan dan rakyat. Pembangunan seperti ini yang memerlukan pengurusan yang cekap dan intensif yang akan membawa hasil kemajuan yang kukuh dan akan tahan lasak dan tidak boleh digoncang oleh ribut manipulasi sesiapa pun atau usaha menceroboh keyakinan rakyat.

Perhatian kepada alam sekitar atau environment dan kegunaan sumber-sumber negara, tenaga rakyat, sumber asli dan kewangan negara menjadi tulang belakang dalam pendekatan sustainable development ini. Environmental Impact Assessment (EIA) dalam apa-apa projek tidak boleh dijadikan sebagai satu lagi aspek compliance, dengan kehendak kerajaan sahaja untuk mendapat persetujuan

agensi-agensi kerajaan, tetapi hendaklah menjadi aspek yang integral dan penting dalam proses merancang dan mengamalkan satu-satu projek.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini EIA hanya dijalankan selepas projek-projek telah dirancang dan sedia hanya sebagai melepaskan batuk di atas tangga sahaja. Tidak akan timbul banyak faedah atau panduan dari EIA yang dijalankan di peringkat itu hanya ia boleh mencegah akibat-akibat yang tertentu sahaja dan tidak membawa faedah, panduan dan perhatian terhadap sustainability dalam projek yang perlu bermula dari peringkat perancangan dan mereka membetulkan projek itu.

Sumber-sumber alam seperti tumbuh-tumbuhan, binatang, kuasa air dan sumber sungai dan marin hendaklah dikekalkan sebagai rezeki untuk generasi akan datang. Hanya pengalaman melalui pendekatan observation dan bijak dalam usaha pembangunan ekonomi kita yang akan melindungi rezeki ini sesungguhnya Tuan Yang di-Pertua, dengan izin we have not inherited the earth from our fathers rather we are merely borrowing it from our children.

Isu yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, ialah komoditi utama. Kerajaan telah menyatakan bahawa sektor komoditi utama akan terus dikekalkan sebagai sektor yang strategik untuk memajukan industri berasaskan sumber dan akan diurus secara berkekalan dengan mengambil kira impak yang minimum kepada alam sekitar di samping menjaganya secara optimum bagi kegunaan negara masa kini dan akan datang.

Dasar dan pendekatan ini adalah wajar dan patut dipuji tetapi kita hendak mengingatkan bahawa dasar seperti ini tidak boleh diamalkan tanpa kerjasama dan tindakan dari kerajaan-kerajaan negeri.

Kuasa perihal tanah dan pengurusan hutan adalah dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Adalah jelas daripada pengalaman dahulu bahawa kerajaan-kerajaan negeri akan bertindak dalam perkara-perkara ini berdasarkan kepentingan mereka sendiri. Sektor ini sebenarnya telah menjadi tulang belakang kepada kemajuan negara kita dan terus-menerus pada masa ini pun menjadi sektor yang

bernilai terhadap ekonomi negara. Kerjasama dan persefahaman di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri adalah menjadi amat penting dan strategik.

Kita memerlukan satu dasar komoditi utama dan sebuah action plan yang dipersetujui di antara peringkat Persekutuan dan negeri. Para 14 dalam Titah Diraja menyentuh kepada perkara ini tetapi merangka satu dasar sebegitu akan menjadi sesuatu kerumitan kompleks. Apa yang perlu untuk mencapai satu persetujuan yang wajar ialah perasaan jujur dan muhibah di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri dan satu sistem bantuan kewangan yang khas yang akan digunakan untuk mengganti kehilangan revenue oleh kerajaan-kerajaan negeri kerana mengamalkan dasar komoditi utama ini. Beberapa aspek adalah penting mengenai satu dasar komoditi dan pelan tindakan. Sebahagiannya ialah peruntukan pengeluaran dan lokasi sumber dan komoditi utama yang optimum.

Dasar-dasar patut diwujudkan untuk menentukan reforestation dan pengeluaran hutan yang sejajar dengan kadar optimum ini. Mendirikan perusahaan-perusahaan utama yang menggunakan komoditi utama berbanding dengan mengeksport bahan utama secara mentah tanpa processing yang cukup. Cara-cara membangunkan pembangunan berkelompok dengan izin, clusters dan downstream processing untuk menambah nilai serta penggalakan yang perlu hendaklah ditentukan. Infrastruktur kemudahan yang dikehendaki adalah juga diperlukan. Pekerja-pekerja yang mahir hendaklah dilatih dan disediakan. Ini akan memerlukan perubahan kepada cara pekerjaan kontrak yang diamalkan sekarang dan juga kerjasama yang erat di antara kerajaan dan perusahaan-perusahaan itu. Teknologi yang digunakan hendaklah juga diberi perhatian untuk menentukan bahawa teknologi itu adalah terkini dan akan membolehkan pengeluaran bersaing di pasaran dunia dari segi kualiti dan harga.

Penyelidikan dan pembangunan dengan izin, R&D hendaklah disesuaikan disokong penuh di pusat-pusat R&D kita sendiri. Universiti-universiti tempatan

dan pusat-pusat penyelidikan serta perusahaan hendaklah bekerjasama rapat untuk mencapai matlamat dasar komoditi ini. Pusat R&D yang terdapat mengeluarkan bantuan dan sokongan serta visi yang lebih luas untuk menentukan viability pusat-pusat dan perusahaan komoditi. Akhirnya usaha pemasaran hendaklah ditegaskan untuk mewujudkan networking antarabangsa dan penggalakan sebagai aktiviti yang selaras dengan aktiviti-aktiviti bersama di antara sama pihak. Kejayaan dasar komoditi utama ini mestilah menjadi matlamat dan usaha bersama di antara semua pihak jika hasilnya hendak dinikmati.

Isu yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, ialah pendidikan dan latihan berterusan. Kita masih lagi mengamalkan dasar yang berasingan dalam pendidikan dan latihan selepas sekolah. Belum dapat lagi satu integrasi yang memuaskan untuk menentukan bahawa latihan itu adalah berterusan dan sesuai untuk keperluan perusahaan-perusahaan kita. Satu perancangan yang mengaitkan dan membolehkan pendidikan sekolah dicantum secara step ladder belum diwujudkan di negara kita. Apa yang perlu ialah satu sistem yang berupaya mengintegrasikan terhadap kelulusan sijil dengan tahap diploma dan seterusnya tahap sarjana muda. Sistem modular dan kredit untuk modul-modul dan kursus-kursus yang membolehkan seorang pekerja meneruskan kemajuan dalam kemahirannya sudah pun menjadi biasa di negara-negara yang telah membangun.

Sistem ini membolehkan peningkatan produktiviti dan keupayaan pekerja-pekerja tanpa memaksanya berpisah dari work-force sama ada mencari latihan seterusnya. Human Resource Development Fund yang sedia ada hendaklah dijadikan sebagai satu bantuan dan penggalakan bagi sistem step ladder ini. Isu ini adalah penting kerana kita masih lagi bergantung kepada tenaga kerja luar negeri untuk mendapat kemahiran yang perlu. Laporan Industrial Master Plan Kedua, kerap kali sahaja menyentuh kepada kekurangan tenaga kerja yang mahir yang menjadi satu penghalangan yang besar terhadap kemajuan sektor perusahaan kita. Komen ini adalah juga tepat bagi sektor perdagangan dan perkhidmatan di mana kekurangan pekerja mahir menjadi satu bottle-neck yang kritikal. Peluang-

peluang untuk mencari kemahiran ini hendaklah satu yang broad-based dan melampaui kuota dan sebagainya. Yang berminat dan cekap hendaklah diberi peluang untuk menyumbang kepada bidang-bidang kemahiran ini.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan latihan teknikal, pembangunan, kemahiran di kalangan belia dan tenaga kerja di samping peluang untuk terus menimba ilmu perlu diadakan dibuka kepada semua rakyat dari segenap lapisan. Dalam hal ini golongan dewasa patut digalakkan supaya meneruskan penimbaan ilmu agar mereka tidak ketinggalan serta dapat menyumbang kepada keperluan guna tenaga negara. Suri rumahtangga dan golongan pesara boleh digalakkan untuk menyertai pasaran kerja demi mengurangkan penggantungan kita kepada tenaga luar dan pekerja asing. Untuk mencapai hasrat ini corak kerja terpaksa diubahsuai dan bentuk pekerjaan bercorak anjal serta sistem kerja sambil mengikut jangka waktu dua-tiga hari seminggu dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menekankan betapa pentingnya kita mempertingkatkan kemahiran tenaga kerja kita, saya amat berharap agar pihak Kementerian Pendidikan akan menjadi pelopor dalam mewujudkan usaha bersama dengan kementerian-kementerian lain yang berkaitan supaya segala usaha dapat disalurkan ke arah mencapai matlamat yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang akhir ialah mengenai perkhidmatan awam. Adalah sesuatu yang menarik bahawa perhatian yang terus akan di beri untuk menentukan bahawa perkhidmatan awam kita sentiasa mahir dan peka kepada kemajuan dan kehendak rakyat dan bisnes. Satu daripada akibat negatif yang telah wujud melalui pengamalan dasar Malaysia Incorporated, ialah merapatkan ahli-ahli politik dengan pemimpin perniagaan. Perhubungan rapat ini walaupun ditujukan untuk melicinkan proses pembangunan negara dan kejayaan sektor swasta kita, telah menjejaskan sedikit sebanyak kekuatan dan integriti perkhidmatan awam kita.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Pelbagai unholy alliance yang dikatakan telah timbul di kalangan perkhidmatan awam berikutan dengan alliance ahli-ahli politik khasnya mereka dalam pentadbiran dengan captain of industries, dengan izin. Kita hendaklah berwaspada kepada unsur-unsur negatif ini sebelum ianya menjadi satu kuman yang tidak dapat dicegah.

Satu lagi sifat yang nampaknya telah menjadi kebiasaan di kalangan pentadbiran dan perkhidmatan awam ialah perasaan complacency dan defensive. Bila ada satu masalah breakdown berlaku dalam satu-satu fungsi kerajaan atau jabatan, kenyataan-kenyataan yang menafikannya dan memberi excuse baginya akan dihulurkan. Dan nampaknya sikap yang tidak dapat menerima criticism dan passing the buck seketika berlaku sesuatu. Kedudukan ini jelas ternampak dalam keadaan krisis kekurangan bekalan air di Kuala Lumpur dan Selangor baru-baru ini. Tidak ada tindakan yang proaktif ataupun membaiki keadaan yang diambil sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah campur tangan.

Kita jelas memerlukan suatu 'clean up', dengan izin, dalam kelemahan-kelemahan ini. Saya harap Ketua Setiausaha Negara dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri akan memberi perhatian yang segera dan serius kepada masalah ini. Adalah wajar untuk perkhidmatan awam kita diberi kebebasan dan peluang untuk bekerja dalam menasihati tanpa berat sebelah, perasaan tertekan. Ketua Setiausaha Negara hendaklah menjadi pemimpin yang sebenar untuk usaha ini dan menentukan pendirian atau kedudukan anggota perkhidmatan awam kita, jika tidak, segala latihan dan imbuhan yang diberi kepada perkhidmatan awam kita, akan sia-sia sahaja.

Yang di-Pertua, apa yang perlu ialah pengurusan, dengan izin, governance yang baik dan bertepatan melalui kepimpinan politik yang kukuh dan perkhidmatan awam yang efisien dan cekap serta menerima sokongan padu, kepercayaan dan keyakinan sepenuhnya dari rakyat. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mengakhiri ucapan saya dan menyokong Usul ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu usul yang berbunyi:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya.

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan sebanyak-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesembilan.”

Dikemukakan kepada Majlis sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat Datuk Ibrahim.

5.45 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut menyokong Usul Titah Ucapan Diraja yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki dan disokong oleh Dato' Chet Singh.

Dengan mengambil kesempatan terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengalu-alukan perlantikan beberapa ahli Dewan yang baru terutamanya salah seorang tokoh wartawan yang terkemuka di negara kita iaitu Yang Berhormat Datuk Zainuddin bin Maidin. Perlantikan beliau sememangnya mendapat sambutan bukan sahaja di kalangan ahli-ahli Dewan yang mulia, tetapi juga daripada beberapa kenyataan yang saya baca dalam akhbar, banyak pihak turut mengalu-alukan perlantikan tokoh wartawan yang terkemuka ini. Saya percaya dengan kehadiran beliau dalam Dewan yang mulia ini, sudah tentu Dewan ini akan lebih dihormati lagi, akan lebih meningkat prestasinya dan beliau juga boleh menjadi pendorong dan rangsangan kepada Ahli-ahli Dewan Negara supaya apabila kita berbahas dalam Dewan yang mulia ini, sekurang-sekurangnya kita membuat homework sebelum kita bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengenali Datuk Zainuddin bin Maidin ini sebagai seorang tokoh wartawan yang begitu lama yang kredibilitinya memang sudah teruji. Saya memulakan dengan ucapan tahniah kepada Datuk Zainuddin bin Maidin ini kerana dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja ini saya ingin menyentuh sedikit, Tuan Yang di-Pertua, bersabit soal peranan akhbar dalam negara kita sekarang ini. Pada masa yang sama, kita sudah dengar jeritan akibat daripada laporan yang tidak benar yang telah dibuat oleh akhbar Barat terhadap negara kita yang bukan sahaja baru berlaku, malah sudah berlaku lama, bukan baru. Semenjak isu alam sekitar, sehinggalah yang mutakhir berita kononnya pihak keselamatan negara kita telah meracuni pendatang-pendatang asing yang sekali gus telah memberi gambaran yang begitu buruk terhadap negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu, saya juga ingin menyampaikan ucapan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri negara kita yang kita kasihi di mana beliau telah menerima anugerah ataupun Ijazah Doktor Kehormat Persuratan daripada sebuah universiti Islam yang paling tua dalam dunia. Universiti ini berusia 1000 tahun iaitu Universiti Al Azhar, di mana Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Perdana Menteri negara kita merupakan tokoh yang pertama dalam tempoh 30 tahun diberi anugerah Ijazah Doktor Persuratan oleh Universiti Al Azhar di mana penganugerahannya dibuat sendiri oleh Sheikh Al Azhar iaitu Dr. Mohamed Syed Tatawi iaitu salah seorang ulama yang paling terkemuka dan universiti yang paling terkemuka yang saya sebutkan tadi di kalangan universiti-universiti yang ada di dunia ini dan penganugerahan ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sekadar ianya pengiktirafan kepada peribadi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad – Dalam ucapan citation oleh pihak universiti, di mana sebelum penganugerahan dibuat, disebut dengan jelas bahawa penganugerahan yang di beri kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad ini adalah kerana kejayaan negara Malaysia. Kejayaan sebagai sebuah negara masyarakat majmuk, di mana terdapat majoriti lebih sedikit umat Islam, tetapi negara kita

telah menjadi contoh bukan sahaja kepada dunia Islam itu sendiri, tetapi juga kepada negara-negara membangun malah menjadi rangsangan kepada lain-lain negara.

Jadi sekali gus, ianya membuktikan bahawa dasar negara kita yang di buat, yang dirumus, yang diamal, dilaksanakan sehingga sekarang oleh pimpinan UMNO dan Barisan Nasional, nyata mendapat sokongan, sambutan dan kehormatan oleh dunia luar dan yang terakhir dan mutakhir oleh Universiti Al Azhar daripada Sheikh Al Azhar sendiri iaitu Dr. Mohamed Syed Tatawi iaitu seorang tokoh ulama yang terkemuka.

Dengan penganugerahan ini juga sekali gus membuktikan juga segala tohmahan, kecaman dan cemuhan terhadap dasar negara kita termasuklah hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan Islam, hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan masyarakat majmuk, hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi nyata sekali negara kita sudah menjadi contoh.

Dan ini bukan penganugerahan pertama, kita masih ingat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menerima anugerah yang sudah banyak bukan sahaja daripada yang mutakhir ini tetapi bermula dengan penganugerahan daripada Yayasan Malik Faisal iaitu sebuah institusi yang menganugerahkan penganugerahan daripada almarhum Malik Faisal, kemudian daripada kerajaan Lebanon daripada Bahrain sehinggalah kepada anugerah daripada Cuba oleh Presiden Fedal Castro iaitu anugerah Jose Martee, kalau tidak silap saya yang semuanya kita lihat anugerah-anugerah ini termasuklah dari India, Jawaharlal Nehru. Kalau kita kumpulkan semua anugerah ini dia melewati seluruh dunia daripada berbagai-bagai negara, baik dalam soal perjuangan keadilan sejagat, baik dalam soal Islam, baik dalam soal yang berkaitan perjuangan bagi menegakkan orde baru dunia yang lebih adil bagi seluruh rakyat di dunia ini. Jadi kita lihat semuanya ini melambangkan kejayaan negara kita bukannya kejayaan peribadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad

semata-mata tetapi kerajaan dan negara Malaysia yang seharusnya menjadi kebanggaan rakyat negara kita.

Saya memulakan hal ini Tuan Yang di-Pertua, untuk mengingatkan kembali setengah-setengah pihak kerana masih ada lagi suara sumbang yang apabila berlakunya kegawatan ekonomi ada lagi yang masih menuding jari kepada kerajaan dan menuduh yang bukan-bukan sehingga terpengaruh dengan perbuatan media Barat. Seolah-olah kemusnahan ekonomi negara kita ini kononnya kerana nepotism, cronism, pilih kasih, penyelewengan, rasuah dan macam-macam lagi tohmahan yang dilemparkan oleh media Barat sehingga ada di kalangan golongan tertentu dalam negara kita ini sendiri termasuk mereka yang pernah mendapat manfaat, pernah mendapat habuan, pernah mendapat kemudahan dan pernah mengaut kekayaan dan keuntungan yang banyak tetapi apabila mereka menghadapi masalah dalam hal urusan perniagaan mereka merasa kecewa dan melepas geram dengan menuduh dan bersekongkol dengan serangan daripada media Barat.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak benar sama sekali, tuduhan mestilah berasaskan kepada fakta (statement of fact) dengan izin, dengan memberi bukti-bukti yang jelas, apakah selama ini kita lupa, Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan negara kita hampir 10 tahun yang lalu di peringkat 8 peratus. Negara kita bermandikan kemewahan semua rakyat mendapat kemudahan, mendapat nikmat yang luar biasa, di waktu bull run dengan izin, di Bursa Saham Kuala Lumpur tidak sedikit rakyat Malaysia mengaut keuntungan. Pada masa yang sama kita lihat pembangunan negara kita sehingga apa yang kita lihat pada hari ini cukup membanggakan biar apapun orang kata, sekurang-kurangnya rumah kita hampir siap sebagai sebuah negara yang membangun dan juga sebagai sebuah negara yang berdaulat.

Menara pencakar langit yang akhirnya saya percaya akan termasyhur seperti piramid di Mesir ataupun The Greatwall of China ataupun Taj Mahal daripada India yang sudah pasti akan menjadi tarikan pelancong di abad-abad yang akan datang. Begitu juga kita lihat pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan yang sudah

pun beroperasi beberapa tahun kebelakangan ini memberi faedah yang tidak sedikit kepada rakyat dari segi kemudahan pengangkutan dan perjalanan. Samalah juga, insya-Allah, perasmian Kuala Lumpur International Airport pada 29 Jun ini sekali lagi akan mencatat bahawa negara Malaysia akan menjadi destinasi bukan sahaja dalam bidang pelancongan tetapi menyediakan prasarana, kemudahan pengangkutan udara yang paling canggih. Mungkin dalam tempoh 20 tahun lagi kita tidak akan merasa susah dalam soal keperluan mempunyai sebuah lapangan terbang yang boleh menampung penumpang yang terus meningkat berjuta-juta orang setiap tahun.

Penubuhan Multimedia Super Corridor, operasi Menara KL dan banyak lagi termasuklah apa yang dikatakan pertumbuhan industri di mana yang terakhir kita rasa bangga apabila Perdana Menteri melawat Mesir bukan sahaja di waktu lawatan rasmi dan juga menghadiri sidang G15 tetapi kita baca dalam berita 80 buah kereta kancil sudah mendarat di negara Mesir, bererti sudah menembusi pasaran di Timur Tengah.

Ini adalah antara contoh-contoh yang kejayaan ditempa oleh kepimpinan dan rakyat negara kita. Seinggalah kepada pendaki Mountain Everest, kemudian disusuli dengan penerjunan kumpulan penerjun di Kutub Utara baru-baru ini, kita turut ucapkan tahniah kerana Jalur Gemilang yang dikibarkan oleh rakyat Malaysia dan dipancut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang penuh gigih walaupun usianya makin meningkat tetapi keupayaan dan kesungguhan beliau mengibar Jalur Gemilang Malaysia dalam berbagai-bagai bidang bukan sahaja dalam perjuangan menegak keadilan sejagat di seantero dunia dan juga membangun negara Malaysia tetapi yang penting kita lihat negara Malaysia dan bangsa Malaysia telah terangkat darjat dan martabatnya di kaca mata dunia.

Tetapi malangnya dalam kita menempa kejayaan demi kejayaan rupanya ada pihak-pihak yang tidak senang dengan kejayaan kemunculan negara-negara Asia apa yang dikatakan 'the renaissance of the Asia' iaitu kebangkitan negara Asia termasuklah Indonesia, Malaysia, Filipina dan seumpamanya yang

tidak semena-mena tanpa disedari mereka merancang untuk meruntuh keajaiban negara-negara Asia ini dengan melakukan serangan yang paling halus iaitu meruntuhkan nilai Ringgit kita yang bermula dengan negara Thailand, kemudian disusuli dengan negara Indonesia, Filipina, Korea Selatan dan Malaysia tidak terlepas dari jeratan ini.

Dan kita semua tahu bahawa kegawatan ekonomi hari ini adalah disebabkan oleh kerana perbuatan pihak-pihak yang iri hati dengan kebangkitan Asia. Sebab itu saya mengatakan tadi adalah tidak adil dan amat mengecewakan kalau ada mana-mana pihak turut bersekongkol dan bersependapat dengan media Barat dengan mengatakan bahawa kegawatan ekonomi sekarang ini disebabkan kononnya kelemahan kepimpinan, kononnya rasuah, cronism, nepotism dan macam-macam lagi tuduhan Tuan Yang di-Pertua.

Saya secara peribadi merasa kesal dan turut mengutuk media-media Barat ini sehingga ada pihak yang turut terpengaruh. Semua majalah antarabangsa *Herald Tribune*, *Fortune* macam-macam lagi surat khabar, hampir keseluruhan media Barat menyerang negara kita bukan sahaja kepada kepimpinan negara tetapi juga berita-berita lain yang dapat mereka kaut untuk merosakkan imej negara kita. Kononya jerebu, masih berlaku di negara kita, ini boleh merosak ataupun boleh mengganggu sukan Sukom yang bakal diadakan bulan September ini. Cerita ataupun berita mengenai dengan keracunan atau poisoning yang dilakukan terhadap pendatang asing juga menjadi bahan yang begitu besar di negara Barat.

Semua ini kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada niat yang lain selain daripada dengki kerana kejayaan kita membina Malaysia setakat hari ini. Sememangnya mereka kagum dari satu segi sebab, Tuan Yang di -Pertua, saya tidak fikir orang Barat ini yang kita tahu mind set dia all the time dia ini pemimpin dunia kononnya. Kalau Amerika Syarikat, dia ini polis dunia, mind set mereka bangsa lainnya tidak boleh setanding dengan bangsa mereka. Dunia ini, merekalah polis, dunia ini mereka punya, bangsa lain bangsa seperti rakyat Malaysia di Asia ini dia kira ini hamba abdi, tidak mungkin boleh maju seperti mereka, tidak boleh

bersaing dengan mereka, tetapi dia lihat di tengah-tengah proses globalisasi, kemunculan beberapa buah negara termasuk Malaysia apabila berupaya mengeluarkan kereta sendiri, berjaya membina menara pencakar langit, melihat lebuh raya yang indah saya katakan tadi, sampailah kepada peringkat lapangan terbang, yang akhirnya penubuhan Multimedia Super Corridor di mana dalam proses penubuhan Multimedia Super Corridor ini tokoh-tokoh terkemuka dunia dilantik dalam bidang IT termasuk Bill Gates melawat Malaysia, bagaimana Kenichi Ohmae boleh duduk sebagai salah seorang penasihat, ahli-ahli fikir dunia. Yang orang lain tidak fikir, yang dulu mereka menganggap bahawa Dr. Mahathir, Perdana Menteri Malaysia ini, negara kecil yang boleh dipinggirkan begitu sahaja. Nah, kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, siapa sangka sebuah negara kecil seperti Malaysia sudah muncul di Asia sama gagah seperti negara Israel yang menindas orang Palestin di Timur Tengah 50 tahun lamanya. Inilah yang menyebabkan mereka tidak senang hati. Mereka serang habis-habisan. Mereka serang bertubi-tubi sehingga ekonomi negara kita menjadi begitu lumpuh, akhirnya nilai mata wang Ringgit kita jatuh lebih kurang 52%.

Saya baca kenyataan Perdana Menteri di Mesir semalam, kita rugi sebanyak RM500 bilion, nilai Bursa Saham Kuala Lumpur jatuh dengan begitu teruk sekali. Ini negara kita Malaysia, tetapi bagaimana dengan Indonesia. Indonesia nilai Rupiah jatuh 400%, apa salah Indonesia. Hari ini dibesarkan kerana kononnya kesalahannya terletak kepada Presiden Indonesia Bapak Suharto, kononnya akibat daripada cronism yang selama ini tidak kedengaran tetapi ianya bermula, Tuan Yang di-Pertua, ialah serangan kepada mata wang. Apa yang berlaku di Indonesia, apa yang berlaku di Korea Selatan sebuah negara yang ketujuh terkuat di dunia dan sekarang kita kena di Malaysia tetapi, Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah S.W.T, Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu Indonesia baik, Filipina baik, Korea Selatan baik, semuanya terpaksa tunduk kepada kehendak International Monetary Fund (IMF). Mereka terpaksa menjual kemerdekaan. Indonesia mendapat kemerdekaan, Tuan Yang di-Pertua, sejarah

tahu. Betapa pahitnya bangsa Indonesia berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan. Bukan ribu, mungkin ratusan ribu, mungkin juta rakyat Indonesia menentang Belanda bermandikan darah, berjuang menuntut kemerdekaan, hari ini terpaksa tunduk kepada penjajah dengan menyerah, terpaksa meminta pertolongan daripada IMF. Begitu juga Filipina sudah lama memohon daripada IMF termasuk negara Thailand, awal-awal lagi mendapat bantuan daripada IMF. Samalah juga dengan Korea Selatan tetapi Alhamdulillah, saya katakan tadi kita bersyukur kepada Allah S.W.T, walaupun Ringgit kita jatuh, walaupun kita menghadapi kegawatan ekonomi, walaupun kita susah tetapi nampaknya Alhamdulillah baik kepemimpinan negara kita dan rakyat negara kita yang ada semangat patriotik yang ada semangat kebangsaan masih lagi belum menyerah dan kita tidak mahu bahawa negara kita menyerah kemerdekaan ini melalui apa yang dibuat seperti Indonesia dengan meminta pertolongan IMF.

Saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berserta dengan barisan Menteri Kabinet dan juga Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) supaya mereka ini sedaya upaya yang boleh bekerja dan mencari jalan supaya walau apapun terjadi, sekali-kali jangan kita tunduk kepada IMF. Begitulah juga rakyat Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, kita berharap rakyat Malaysia yang ada semangat patriotik tolak mereka yang sekumpulan, yang bersekongkol dengan pendapat media Barat ini supaya kita bersatu berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan negara, di belakang kerajaan dan saya penuh yakin, insya-Allah, kita boleh lalui masa-masa yang gawat dan genting ini. Semangat patriotismelah ubat yang paling mujarab dalam menangani ekonomi sekarang ini. Semangat kebangsaan atau patriotisme inilah yang menumpas penjajah dahulu. Di waktu kita senang, kita boleh menikmati kemewahan dan hidup dengan gaya mewah. Tetapi waktu susah, kita boleh hidup dengan cara orang susah.

Saya bukan dilahirkan di waktu bapa-bapa kita berjuang untuk mendapat kemerdekaan dahulu. Saya lahir di waktu pertengahan bapa-bapa kita

memperjuangkan kemerdekaan dahulu dengan titik peluh, dengan air mata dan darah manakala generasi sekarang, mungkin tidak dapat merasai bagaimana pahit maungnya perjuangan yang dilalui oleh pemimpin-pemimpin kita sebelum ini. Tetapi saya percaya semangat pejuang-pejuang kita dahulu seperti Datuk Bahaman, Mat Kilau, Rosli Dobi ataupun Datuk Panglima Gantang, banyak kita boleh sebut, Datuk Maharajalela masa sejarah dahulu lawan Frank Swettenham pun kita boleh sebut, semuanya kita ada pemimpin-pemimpin besar, pejuang-pejuang seperti Pak Sako, Ahmad Bustamam, macam-macam nama lagi yang ada dalam sejarah yang kita lihat mereka ini mewarisi yang boleh diwarisi oleh generasi sekarang ini termasuk kita yang tidak mudah menyerah kalah.

Ini saham jatuh, betullah rugi berniaga, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu simpati tapi bagai nak rak, waktu mewah Mercedes 520, rumah banglo macam istana, pagar pun boleh buat 100 buah rumah orang miskin, pagar rumah sahaja. Kereta, tak usah cakaplah, depan rumah 7, 8 buah. Bila kena serang sedikit sahaja, mengeluh, hentam kerajaan, bantai kerajaan kalau dia boleh hentam kerajaan atas dasar prinsip tak apa, atas statement of fact boleh diterima. Tapi, cemuhan-cemuhan yang dibuat, saya cakap Tuan Yang di-Pertua, sebab saya dengar di beberapa tempat persidangan, dalam kapal terbang pun saya dengar ada tokoh-tokoh korporat cakap, dia tak nampak saya duduk di belakang. Bila dia tengok saya, Ah... apa khabar Yang Berhormat. Tapi saya dengar mereka bercakap. Macam-macam kerenah mereka bercakap.

Mereka ini siapa dahulu, Tuan Yang di-Pertua, tak ada bendalah, nothing, ada setengah-setengah itu memang pun tidak layak mendapat kemewahan seumpama itu. Tetapi dasar kita, dasar untuk mengimbangkan dari segi kekayaan negara di antara kaum, adanya jutawan India, ada jutawan Cina ada juga jutawan orang Melayu, diberi peluang sama rata. Walaupun latar belakang lebih kurang tetapi terpaksa untuk mengimbangi dari segi soal pembahagian kekayaan negara kita, selepas peristiwa 13 Mei dilancarkan Dasar Ekonomi Baru. Memanglah dalam banyak-banyak tentulah, Tuan Yang di-Pertua, bak kata pepatah daripada

pokok kelapa mestilah ada buah kelapa ini yang kelontong satu dua. Adalah juga orang kata kerbau sekandang mestilah ada seekor yang membawa lumpur. Tapi, rata-rata saya tengok, rupa-rupanya bila diberi kekayaan yang mengejut ini, Tuan Yang di-Pertua, kepada orang yang tidak ada semangat patriotisme akhirnya boleh menghancurkan kepada negara kita, boleh merosakkan imej negara, itu belum perang lagi itu. Belum negara kita diserang, belum lagi sampai ke peringkat negara-negara yang kita lihat sebagai contoh, saya tidak mahu sebut, mungkin menyinggung perasaan negara-negara ini. Belum lagi kena serang, belum lagi bunyi senapang, belum lagi bunyi jet terbang di atas udara negara kita ini. Saham daripada RM14 turun RM2, riuh-rendah.

Betullah mereka menghadapi masalah, hutang bank, sebab itu kita kata, jangan tamak, saya pernah berucap di Dewan Rakyat dahulu dan di Dewan yang mulia ini, jangan tamak. Ada sesetengah itu tidak hendak mati, mungkin rasa tidak mahu mati, lepas satu-satu, sehingga tidak upaya hendak memikulnya. Gearingnya begitu tinggi sekali sehingga akhirnya bermasalah. Pun begitu saya berprinsip, saya berpendapat, jika mereka bermasalah saya menyokong supaya kerajaan tolong. Apa tugas kerajaan? Kalau tidak menolong rakyat termasuk orang-orang yang berniaga. Tadi Yang Berhormat Dato' Zuki waktu bentang Ucapan Titah Diraja tadi, banyak masalah berkisar perkataan 'bail-out', ini bukan dialog baru, dah ada saya dengar, di luar pun di persidangan ada sebut perkataan bail-out dan tolong. Pada saya semua ini tidak penting, 'bail-out' kah atau tak 'bail-out' kah, itu soal lain.

Tuan Yang di-Pertua, prinsipnya pada saya, syarikat-syarikat yang bermasalah akibat daripada kerugian kerana kita diserang oleh kejatuhan nilai Ringgit mesti dibantu oleh kerajaan, kalau tidak what for we become a government, dengan izin. Samalah juga kerajaan bertanggungjawab menolong orang miskin. Saya terima hujah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri waktu dia beri penjelasan kepada pemimpin-pemimpin UMNO di Dewan Merdeka baru-baru ini, jelas tidak timbul soal cronism, nepotism. Selama ini pun kita sudah

terima prinsip, anak Yang Berhormat Dato' Zuki pun boleh berniaga, kalau saya ada anak pun, anak saya pun boleh berniaga, apakah kerana saya ada jawatan politik anak saya tidak boleh berniaga?

Beritahu kepada saya prinsip mana yang salah? Hukum mana yang salah? Betul kita menentang penyelewengan, kita menentang nepotism, kita menentang cronism, semua ini kita menentang, tetapi soalnya kita tengok syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur baru-baru ini, apabila nilai ringgit kita jatuh merudum serentak semua sekali. Perbuatan siapa? Apakah kita tidak simpati? Kalau ada yang menyeleweng, orang yang menyeleweng mesti diambil tindakan. Tetapi syarikat yang dia pimpin mesti diselamat, pada sayalah, saya fikir begitu. Kalau sebuah syarikat itu ada pekerjanya sampai 2,000 orang, ada kilangnya, taukenya menyeleweng, kebetulan dalam masa kegawatan ekonomi ini, taukenya tak payah kita selamat, dia nak masuk jel, masuk jellah. Dia nak masuk Pudu – sekarang ini bukan Pudu, Sungai Buloh – masuk pergilah, kita bukan simpati pun tetapi bagaimana dengan syarikat yang sudah ada asas ini, yang pekerjanya ribuan yang bergantung harap, bergantung nafkah kepada syarikat ini. Maka mereka akan hilang pekerjaan. Manakala boleh bantu, bantu dan dalam kita bantu pula, jangan ada pula mana-mana pihak buat generalized statement, tengok kerajaan menolong satu, dua kerat, betullah tak mungkin kerajaan dapat tolong semua, tetapi mana-mana syarikat yang strategik yang secara kebetulan ada kepentingan negara, macam mana? Mesti dibantu.

Yang terlibat dengan pembinaan infrastruktur, yang terlibat dengan pengangkutan, yang terlibat dengan perkapalan, dahulu semua puji, dahulu semua sokong. Dulu saya sudah kata sewaktu saya dalam Semangat 46, saya pernah kritik, saya mengaku, tujuh, lapan tahun dahulu sewaktu kita berucap di rapat-rapat umum, sewaktu saya berucap di dalam Dewan Rakyat sebagai anggota Semangat 46, pernah saya menegur kerajaan. Tetapi ada pihak mempertahankan dasar ini dan sekarang ini bila bermasalah, orang ini pula kritik kerajaan dan saya pula yang

mempertahankan kerajaan, tak kah bingung! Tetapi kita kritik dulu, kita mengingat, tetapi sekarang sudah buat. Bila sudah buat takkan kita hendak biar. Kita mesti bantu dan saya sokong, kerajaan perlu bantu. Jangan kerana kita melihat dalam perspektif yang sempit kerana kita terpengaruh dengan akhbar-akhbar barat ini. Ini cronism, tidak boleh tolong kerana ini anak saudara, ini bapa saudara, ini ada kena-mengena dengan anak dialah, macam-macam, apakah tidak boleh mereka ini berniaga? Sampai ke peringkat itu. Jangan terjebak, kalau hendak buat isu politik memang boleh buat isu politik. tetapi saya lebih percaya kepada mencari jalan penyelesaian. Sebab nombor satu, orang akan hilang kerja, syarikat tutup, kerajaan tidak boleh kutip cukai, ekonomi kita makin lemah.

Kalau kita terima serangan dari pihak Barat, akhbar-akhbar tertentu daripada Barat, jangan tolong, ini bail-out. Tetapi kalau kita tak tolong, apa yang orang ini boleh tolong kita? Boleh surat khabar dari luar negara, jangan bail-out, ini silap interpretasinya, silap menggunakan kronologi perkataan bail-out ini. Maka kita takut mereka serang kerana kita hendak jaga supaya kita jangan dituduh ini bail-out, ini boleh merosakkan lagi integriti, kredibiliti, samalah juga ada orang nasihat Perdana Menteri jangan cakap banyak lagi, cukuplah, cakap kurang-kurang sikit, duduk diam sahaja supaya duit kita tidak jatuh. Waktu Perdana Menteri kita tidak cakap pun, duit jatuh juga. Waktu dipujinya orang Barat pun duit kita jatuh juga, samalah juga jangan terpengaruh hal-hal yang dibawa orang Barat ini sehingga kita takut hendak buat sesuatu akibatnya syarikat negara kita lingkup, tutup, siapa yang susah? Akhir sekali rakyat negara kita juga.

Tuan Yang di-Pertua, bila rakyat kita tidak ada kerja, bila kesusahan menimpa rakyat, makan pun tak boleh duit, pun tidak ada, pekerjaan pun tidak ada, apa akan jadi kepada rakyat negara kita nanti. Memanglah ada baik buruknya, tetapi kita mesti pertimbang dalam perspektif yang lebih luas. Saya bercakap perkara ini kerana saya fikir ini soal dasar, soal prinsip supaya kita tidak terjebak dengan pengaruh ataupun serangan yang dibuat oleh pihak Barat. Banyaklah masalah yang kita hadapi sekarang ini, banyak, bukannya sedikit-ekonomi gawat, air pun tak

cukup, masalah open burning, ada juga berlaku kebakaran, macam-macam. Ini ujian daripada Allah (S.W.T) tetapi kita lihat dulu memanglah dalam dunia ini pun, seperti yang telah dijanjikan oleh Allah (S.W.T) kita akan menghadapi cabaran, tidak akan mudah. Macam air, Dato' Zuki sebutkan tadi, sampai di Kelantan pun tidak ada air, bukan sahaja di Kuala Lumpur, di Kelantan berbulan dulu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, minggu lepas Menteri Besar Kelantan sembahyang hajat mohon hujan; empat, lima hari lepas di Kelantan, tetapi hujan di Kelantan tidak turun, dia sembahyang hajat di Kelantan, hujan di Kuala Lumpur, alhamdulillah. Kuala Lumpur yang hujan, saya hendak berterima kasih kepada wakil PAS dalam Dewan yang mulia inilah, sembahyang hajat di Kelantan, hujan di Kuala Lumpur. Itu pun ada pemimpin-pemimpin agama di Kelantan, ulamak-ulamak di Kelantan menyerang menyatakan duit jatuh, ekonomi jahanam ini, bala daripada Allah S.W.T., kerana dasar sekular. Khutbah sewaktu sembahyang mohon hujan baru-baru ini pun mereka menyatakan ini adalah bala dari Allah S.W.T. macam-macam. Sembahyang ini dibuat atas nama parti, saya hendak perjelaskan jugalah dalam Dewan yang mulia ini, atas nama parti politik, akhir sekali Majlis Agama Islam Kelantan di bawah Sultan Kelantan buat pula satu lagi sembahyang hajat sebab takut keliru dibuat atas nama parti PAS. Buat sembahyang hajat macam bertanding pula, sampai ke peringkat itu, mempolitikkan agama. Hujan pun cari political mileage, sembahyang hajat pun cari political mileage.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya bangkitkan di sini bukan sahaja media Barat, orang di dalam negara kita ini termasuk parti pembangkang baik PAS, baik DAP, individu tertentu semuanya ini seolah-olah macam secara kebetulan menyerang kononnya kesalahan sebabnya ialah kerana dasar, kerana pembaziran dan seumpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi walau macam manapun, pada saya, saya penuh yakin kalau rakyat negara kita ada semangat patriotisme, insya-Allah kita boleh lalui apa yang sedang kita alami sekarang ini. Kalau dahulu pernah naik kereta, pernah naik bas, sekarang ini insya-Allah, tidak ada masalah. Saya tidak tahulah

pada orang lain sebagai aktivis pelajar dahulu, saya percaya zaman senang dengan zaman susah sama sahaja pada kita. Tak tahulah pada pihak-pihak yang lain, tetapi ini juga satu ujian, satu pengalaman yang boleh kerajaan menilai kembali, boleh kita menilai kembali menyemak diri balik, orang yang kita tolong dahulu apa jenis manusianya, dasar yang kita amalkan selama ini di mana yang tidak betul. Jadi, bolehlah orang kata menyemak kembali segala kelemahan yang ada, juga satu hikmah walaupun pada saya ianya bukan satu kesalahan sepertimana yang dikatakan oleh pihak media Barat tetapi sekurang-kurangnya satu hikmah yang boleh dipelajari, di mana yang silap, di mana yang tidak betul supaya dalam mengagih-agihkan rezeki seumpamanya dalam melaksanakan projek termasuklah mengagihkan rezeki supaya orang kata, biarlah merata jangan bertompok, ha itu saya sudah katakan dahulu dan telah pernah saya menyuarakan dahulu. Mungkin insya-Allah, pada masa yang akan datang pengalaman inilah yang akan membawa kita sebagai pengajaran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, kalau hendak menyelamatkan ekonomi negara kita supaya pulih cepat, macam-macam usaha yang telah dibuat, antaranya Kempen Beli Barangan Malaysia, itu yang nombor satu, kita lebih banyakkkan eksport daripada import. Sekarang ini program pertanian hendak ditingkatkan supaya kita tidak bergantung kepada barang-barang import terutama dalam makanan, RM10,000 juta, saya sudah bercakap pada lima, enam tahun yang lalu lagi dah, macam-macam usaha, tetapi ada satu aspek yang saya hendak sebut di sini, yang perlu saya hendak minta jawapan daripada pihak kerajaan baik Kementerian Kewangan ataupun Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya di antara kita hendak mengukuhkan dan menyelamatkan ekonomi negara kita ini, kita hendak menyekat supaya wang kita mengalir keluar, antaranya kita telah buat keputusan pelajar-pelajar tidak akan dihantar lagi ke luar negeri, cuma yang ada dahulu diteruskan, mana yang boleh balik dibawa balik. Sekarang ini universiti pun tumbuh seperti

cendawan, tempat dalam negara kita pun lebih daripada mencukupi, tak payah lagi dihantar pelajar kita ke luar negeri, itu salah satu dasar.

Begitu juga barang-barang import, hendak dikurangkan termasuklah barang import makanan binatang di mana saya difahamkan Technology Park sekarang ini sedang membuat kajian supaya kita tidak payah lagi mengimport barang-barang makanan binatang yang begitu tinggi nilainya. Samalah juga dengan barang-barang lain, barang-barang mewah dan seumpamanya, kalau boleh rumah-rumah orang kaya yang dibeli di England, di Australia, di Perth, saya pun tahu juga beberapa orang, juallah cepat-cepat bawa balik melabur di Malaysia ini. Tengok macam orang kampung melabur dalam Asnita, melabur dalam syarikat tempatan sebanyak RM2, RM10, yang kaya-kaya ini kalau boleh banglo-banglo yang ada itu juallah yang ada di luar negara itu, saya tidak tahu siapa, saya agak-agak sahajalah kot ada, tetapi Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tak adalah?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tak ada!

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Alhamdulillah! Tak ada, yang lain-lainlah yang saya maksudkan kalau ada, tetapi saya hendak sebutkan satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya langkah-langkah kerajaan untuk membendung pengimportan barangan dari segi hendak menyelamatkan wang kita keluar dari Malaysia terutamanya bagi barangan yang sudah nyata ada pembuatannya di dalam negara kita, di dalam negeri kita, adalah wajar. Tetapi dalam pelaksanaannya amat mendukacitakan sekali. Saya hendak bangkitkan salah satu aspeknya Tuan Yang di-Pertua, terutamanya di kalangan jabatan-jabatan kerajaan didapati mereka sekarang kurang mematuhi Arahan Perbendaharaan STP/B 497 dengan mengemukakan permohonan untuk mengimport barangan kepada MITI walaupun terdapat permohonan ke atas barangan yang ada pembuatannya di dalam negeri, tetapi pihak MITI akan menolak permohonan ini sekiranya pihak MITI mengetahui adanya barangan ini di sumber tempatan. Tetapi kalangan agensi-agensi kerajaan termasuklah agensi-agensi yang sudah diswastakan seperti TNB, Proton, Telekom, Perodua ataupun agensi-agensi yang

membina projek-projek besar. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebutkan di sini - termasuklah Petronas, saya tidak tahu benar atau tidak, tetapi saya dimaklumkan dalam tender dokumen mereka ini ada barang-barang tertentu, spec tertentu yang hendak digunapakai, kalau dibina universiti, bangunan hendak ada air-condition, contohnya chillers, tetapi dimasukkan ke dalam tender dokumen ini atas nasihat konsultan kena pakai yang sekian-sekian dan barang-barang yang dipakai ini ialah barang-barang import. Manakala kita tahu, banyak barang-barang yang seumpama ini telah dibuat dalam negara kita termasuklah pelabur asing joint-venture dengan syarikat tempatan.

Saya hendak minta agensi-agensi kerajaan termasuklah agensi yang sudah diswastakan dan minta Kementerian Kewangan dengan MITI supaya lebih tegas menyemak segala spec ini bagi menyelamatkan wang kita keluar ratusan juta ringgit dalam soal pelaksanaan projek-projek tidak sedikit, maklum sahajalah kadang-kadang kita ini jadi, kalau saya jadi pengerusi universitilah, orang besarlah pergi mempengerusikan mesyuarat terlalu banyak, jawatan banyak dipegang, jadi satu minggu itu kena pergi kepada empat, lima mesyuarat. Jadi, kalau dilihat board paper pun hanya belek-belek sahaja, lepas itu semua disediakan dengan cantik-cantiknya, ini okay, lembaga diminta ataupun jawatankuasa tender dimohon untuk mendapatkan kelulusan. Dia tidak melihat apakah detailnya, adakah syarikat tempatan masuk tender, adakah barang yang mereka tolak itu barang yang tidak bermutu, kalau barang tidak bermutu macam mana barang-barang ini boleh dieksport ke luar negeri, bagaimana ada pasaran di luar negeri?

Saya takut ada pihak dalam senyap-senyap di atas masalah yang dihadapi oleh negara, mereka masih lagi mencari jalan mengaut upah ataupun dalam lain-lain perkataan, tidaklah dituduh mereka ini menyeleweng, takut menyeleweng. Langkah-langkah positif yang diambil oleh kerajaan untuk membaikpulih keadaan ekonomi negara, saya katakan tadi seperti usaha mengurangkan contohnya, defisit akaun semasa dan pengaliran keluar mata wang ringgit Malaysia, di mana di antara langkah awal yang telah diambil termasuk mengeluarkan arahan seperti yang saya

sebutkan Surat Pekeliling Perbendaharaan STP/B 497 kepada semua kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi yang ada kaitan dengan kerajaan untuk membendung pengimportan barangan lebih-lebih lagi barangan yang sumbernya boleh diperolehi di dalam negeri dan jika ia diperlukan juga pengimportan pihak-pihak berkenaan mestilah mendapat kelulusan dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan ini kita amat alu-alukan dan yang saya bangkitkan dari segi pelaksanaannya.

Memang tidak dinafikan keputusan tersebut di atas adalah satu keputusan yang tepat bagi menggalakkan import substitution dan kalau betul dilaksanakan akan membuahkan hasilnya dalam masa yang singkat. Untuk memastikan langkah-langkah tersebut tidak lari dari objektifnya iaitu defisit akaun semasa dan pengaliran keluar mata wang Malaysia dapat dikurangkan, Tuan Yang di-Pertua, di sini saya kemukakan beberapa soalan kepada kementerian yang ada kaitan yang saya maksudkan tadi.

Pertama, sejak dikeluarkan arahan tersebut, berapa banyakkah permintaan untuk mengimport barangan terutama bagi pengimportan barangan di mana barangan yang sama terdapat pembuatannya di Malaysia yang telah dikemukakan kepada MITI nama-nama jabatan yang memohon dan berapakah jumlah yang ditolak dan yang diluluskan, saya hendak jawapan secara terang dan jelas, sebab saya hendak banding berapa banyak wang kita yang dapat diselamat dan sejauh manakah pelaksanaan arahan Surat Pekeliling Perbendaharaan ini yang dapat dan sudah dilaksanakan.

Yang kedua, adakah arahan tersebut hanya melibatkan jabatan-jabatan kerajaan sahaja, bagaimana dengan agensi-agensi dan syarikat-syarikat kerajaan yang telah diswastakan seperti Tenaga Nasional Berhad, Telekom, Petronas termasuklah Proton, Perodua, universiti-universiti, institusi pengajian tinggi, tidakkah mereka juga tertakluk kepada arahan dari Perbendaharaan tersebut. Kalau tidak dikawal, mereka ini kalau boleh beli barang dari luar, mereka akan beli barang dari luar negara, betul Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan, betul,

sebab kenapa kena beli barang daripada luar, saya sudah cek ada setengah-setengah syarikat contohnya yang buat chillers, air-cond kerana pengerusi-pengerusinya orang yang hebat-hebat. Bila pengerusinya orang yang hebat-hebat, yang menjadi ejen kepada syarikat-syarikat ini, hendak mengedarkan barangan di negara kita ini, mereka ini oleh kerana mereka ini orang yang hebat-hebat, one phone call sudah 'ghuyub' dah, sudah tidak boleh hendak buat apa dah, hendak kena terima dah, itu dari segi kemungkinan ataupun mungkin kerana pengerusi-pengerusi ini orang yang hebat-hebat, mungkin kerana pegawai di dalam, saya bukan tuduh pegawai kerajaan ini - tidak! Tetapi konsultan

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Masa sudah cukup dah.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sedikit. Sudah banyak kali sangat, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim ini menyebut 'orang hebat-hebat'. Jadi, perkataan 'hebat-hebat' ini apakah maknanya, adakah dia ini orang yang berduit, adakah dia ini seorang bangsawan, adakah dia ini seorang yang rupawan, adakah dia ini seorang ahli politik, jadi, yang hebat-hebat ini kita pun tak tahu siapa dia, jadi kalau diminta bolehkah memberi penjelasan sedikit, siapa dia orang yang hebat-hebat yang dimaksudkan itu?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, orang hebat-hebat ini TSTlah, tahu sama tahulah, saya tak payah beri jawapanlah. Saya percaya Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, mindanya tinggi ini, jadi, saya tak payah beritahu, cuma saya maksudkan

Tuan Yim Chee Chong: *[Bangun]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, jam sudah pukul 6.30 petang ini. *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim menyebut 'The Great Wall of China', betulkan, saya hendak bertanya ilmu pengetahuan tentang Sejarah China, siapakah yang membina The

Great Wall of China, berapa panjangnya, apa maksudnya mendirikan The Great Wall of China?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya banyak lagi hendak bercakap, saya akan serahkan kepada Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong menjawab bagi pihak saya sewaktu dia berucap nanti, *[Ketawa]* untuk menyelamatkan masa. Kalau tidak, berulang-ulang nanti kepada perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, apakah tindakan kerajaan terhadap pihak yang mengimport barangan tanpa mengemukakan permohonan untuk pengimportan tersebut kepada MITI terlebih dahulu terutama bagi pengimportan barangan di mana barangan yang sama terdapat pembuatannya dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat lama lagikah?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ada sedikit lagi!

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begitu, kita tangguhkan sehingga esok!

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa elok kalau saya dapat mengetahui siapa yang akan bercakap dalam perbahasan ini supaya dapat kita menentukan masa berapa minit untuk seorang Ahli, sila angkat tangan dan sila bilangkan.

[Semua Ahli Yang Berhormat mengangkat tangan]

Tuan Yang di-Pertua: Oh, semuanya hendak berucap ini! Semuanya hendak berucap?

Beberapa Ahli: Ya!

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begini hanya dua minit setiap seorang sahaja. *[Ketawa]* Kita ada lima hari sahaja pun.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Setiap hari, hanya lima jam sahaja bukan?

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berucap selama satu jam, boleh atau tidak? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan pada esok hari pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.